


Jilid 1
Bil. 27



Hari Isnin
12hb Januari, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2589]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Profesion Undang-undang [Ruangan 2612]

MALAYSIA
PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Isnin, 12hb Januari, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- ” TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- ” TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K. A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

1. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa semua jawatan-jawatan kosong dalam jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau perbadanan-perbadanan awam, tidak boleh diisi tanpa izin dari Kabinet begitu juga berkenaan dengan mewujudkan jawatan-jawatan baru.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, keputusan mengenai peraturan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong termasuk mewujudkan jawatan-jawatan baru di jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun (statutory bodies) dan perbadanan-perbadanan awam perlu mendapatkan kelulusan Kabinet ialah dengan tujuan menekankan betapa seriusnya sikap Kerajaan terhadap usaha jimat-cermat dan menjamin supaya langkah-langkah jimat-cermat Kerajaan itu dapat dilaksanakan secara lebih berkesan lagi. Walau bagaimanapun, Kerajaan kemudiannya telah memutuskan supaya kuasa memberi kelulusan itu diwakilkan kepada Ketua Setiausaha Negara dan di mana perlu beliau merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk mendapatkan kelulusannya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah selama ini pengambilan perjawatan itu atau menambahkan jawatan baru tidak ada dengan pengetahuan Kabinet yang sedang dijalankan pada masa dahulu atau tidak diketahui oleh Perdana Menteri?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu semenjak pembekuan ini, jawatan-jawatan telahpun diadakan, setelah mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahkan semenjak itu sudah ada 4,337 jawatan telah diadakan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pengambilan jawatan-jawatan badan-badan berkanun menurut peraturan ini selepas pembekuan mesti hendak mendapatkan keizinan Kabinet dan keizinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah dengan keadaan ini bahawa peraturan ini juga merupakan pencabulan hak badan-badan berkanun iaitu tidak ada kuatkuasa kepada Ketua-ketua Jabatan atau Ketua Setiausaha Negara.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua. Tidak.

RANCANGAN BUKU HIJAU BAGI PEKEBUN KECIL

2. **Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi menubuhkan satu-satu agensi tertentu untuk membeli dan memasarkan hasil-hasil tani iaitu hasil gerakan buku hijau pekebun-pekebun kecil dan petani-petani luar bandar kerana petani-petani akan berasa lebih keciwa apabila hasil keluaran mereka, akibat menyahut seruan buku hijau tidak mendatangkan pulangan ekonomi yang bermakna, iaitu kelebihan dari keperluan sehari-hari mereka itu banyak yang membazir daripada mendatangkan menafaat dan pulangan ekonomi yang baik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rancangan Buku Hijau ialah untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi keperluan sehari-hari supaya dapat berjimat-cermat bagi mengatasi masalah inflasi. Semenjak Rancangan Buku Hijau dilancarkan Pegawai-pegawai Daerah yang mana menjadi Pengerusi Jawatankuasa Daerah masing-masing telahpun diarahkan untuk menyelaraskan jenis-jenis tanaman yang dibuat secara besar-besaran menerusi Jawatan-jawatan Kuasa Tindakan Daerah. Di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah ini juga dihadiri oleh Pegawai-pegawai FAMA di tiap-tiap daerah itu untuk menasihatkan jenis tanaman-tanaman yang mudah dipasarkan dan berapa luas akan ditanam dan berapa banyak pengeluaran dijangka di dalam satu-satu

daerah supaya pasaran dapat diatur. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan agensi lain, kerana FAMA boleh memberi pertolongan untuk mencari pasaran hasil Rancangan Buku Hijau ini, jika sekiranya petani-petani mengikut nasihat FAMA bagi menanam jenis-jenis tanaman yang mudah dipasarkan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita ketahui ternakan juga adalah sebahagian daripada Rancangan Buku Hijau. Adakah Kerajaan sedar iaitu hasil daripada gerakan Buku Hijau kita telah dapati beberapa ketika tempoh hari harga ayam di pasaran boleh dikatakan murah, tetapi malangnya keadaan ini telah diambil kesempatan oleh setengah-setengah penternak yang tidak bertanggungjawab menurunkan lagi harga itu, sehingga setengah-setengah penternak bumiputra, terutama sekali di Selangor ini terpaksa menutup perusahaan ternak ayam mereka kerana kerugian. Dan setelah penternak-penternak yang teraniaya itu menutup perusahaan mereka, pihak yang tidak bertanggungjawab tadi menaikkan semula harga ayam; pada masa ini kita dapati harga ayam melambung semula sehingga \$2.20 sekati di pasar.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar keadaan ini sebagai yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini memang keadaan biasa apabila satu-jenis pengeluaran itu berlebih-lebihan, maka harganya akan turun, ini menjadi kebiasaan. Jika sekiranya hasil pengeluaran itu kurang, maka harganya akan naik. Jadi oleh kerana masalah pasaran ini bukanlah masalah yang dapat diberi jaminan oleh Kerajaan dan bergantung kepada keadaan pasaran dan keadaan masa, maka itulah keadaannya yang telah terjadi. Walau bagaimanapun, masalah ayam yang ada di dalam negara kita pada hari ini telahpun mencukupi untuk keperluan bagi makanan rakyat dalam negara ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bunyinya memang bagus Rancangan Buku Hijau menggalakkan rakyat lebih banyak bercucuk tanam, memang itulah satu daripada galakan yang baik sekali. Baru-baru ini di Petaling Jaya,

barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menghadiri satu mesyuarat di Petaling Jaya, saya baca melalui surat khabar di mana semua kaum tani iaitu Persatuan Peladang atau pemimpin kaum tani telah dipanggil. Dalam mesyuarat itu ada seorang dari Johor yang menyatakan Kerajaan menggalakkan kaum tani menanam lebih banyak keladi, peria, kobis dan sebagainya tetapi pasarannya tak ada. Jadi galakan daripada Kerajaan itu bagus, tetapi harga sayur-sayuran di pasar masih mahal dan petani tak dapat pasaran dan tidak dapat meninggikan taraf hidup petani. Jadi, apakah persiapan kerana rancangan ini sudah lebih dua tahun, adakah persiapan itu telah dibuat oleh Kerajaan, sebagaimana Senator tadi telah mengatakan berkenaan harga ayam, dan dijawab iaitu apabila ayam terlampau banyak harga ayam sudah murah, apabila harga ayam sudah murah, maka tak boleh dibuat apa-apa. Semua rakyat digalakkan memelihara ayam. Adakah atau tidak persiapan dibuat iaitu ayam itu akan dibeli oleh Kerajaan, kemudian dihantar keluar negeri ataupun dibuat satu fakteri di mana ayam itu disembelih dengan baik dan dihantar ke luar negeri. Adakah dibuat begitu atau tidak, kalau tidak, akhirnya akan dijawab terus menerus begitu juga. Adakah preparation telah dibuat atas perkara ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di sebut oleh Ahli Yang Berhormat mesyuarat di Petaling Jaya itu, saya agak Mesyuarat Agung Persatuan Peladang di seluruh Malaysia dan menyentuh apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, seorang wakil peladang daripada Johor mengatakan tanam ini tak laku, tanam itu tak laku, saya rasa itu agaknya silap berita dalam suratkhbar. Apa yang saya tahu di Johorlah tempat pasaran hasil pertanian yang terbaik sekali oleh kerana Johor berhampiran dengan Singapura. Soal ternakan ayam, di Johor yang mana saya dapat tahu keluaran pada satu hari lebih kurang 160,000 tiap-tiap hari diekspot ke Singapura dan mendapat pasaran yang sangat baik. Begitu juga sayur-sayuran daripada sebelah negeri Johor mendapat pasaran yang baik.

Berhubung dengan soal persediaan, di sini saya suka memberitahu pada Ahli Yang Berhormat, rundingan sedang dibuat dan

telah dibuat dengan Kerajaan Negeri Johor yang mana pada masa ini Kerajaan Negeri Johor sedang memproses bagi mendirikan sebuah pasar borong yang besar di Tampoi yang mana pihak Persatuan Peladang akan diberi kemudahan mendapatkan tempat di dalam pasar borong itu. Begitu juga di Negeri Melaka pengakuan daripada Kerajaan Melaka sudah didapati dan sedang dicari tempat untuk mendapatkan pasar di Melaka. Begitu juga di Negeri Sembilan dan di Selangor kita sedang memohon pasar borong di Jalan Ipoh, masih dalam pertimbangan Datuk Bandar. Di negeri Pulau Pinang kemudahan sudah disediakan, tetapi bahan-bahan yang hendak dipasarkan itu tidak ada dan di negeri Kelantan dan Trengganu masalah pasaran sayur-sayuran tidak menjadi masalah oleh kerana kedua negeri itu petani-petani lebih suka menanam tembakau daripada menanam sayur-sayuran kerana pendapatannya lebih baik.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar pihak FAMA tidak akan membekalkan lagi benih kacang tanah kepada petani-petani sebagaimana tahun yang lepas?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya baru semalam saya terima suatu surat komplek daripada Trengganu, kononnya FAMA tidak akan membekalkan kacang tanah dan hari ini saya belum dapat jawab. Oleh kerana itu, saya harap Ahli Yang Berhormat itu bersabar. Saya telah mengarahkan supaya FAMA sendiri minta penjelasan masalah benih kacang tanah tidak dapat dibekalkan di Trengganu dan di Kelantan. Boleh jadi barangkali peruntukan terhad dan sebagainya, tetapi walau bagaimanapun saya sukalah memberi jaminan di dalam Dewan ini jika sekiranya kewangan mengizinkan, insya Allah, FAMA akan menimbangkan sekali lagi bagaimana yang dibuat pada tahun lepas.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan baru sebentar tadi telah menyatakan pasar borong yang hendak diadakan termasuk di Johor, saya berasa bangga. Tetapi tidakkah Kementerian ini berasa malu bahawa sayur-sayuran yang hendak dijual di pasar borong itu bukan usaha atas Rancangan Buku

Hijau, ini diusahakan oleh petani kita sendiri dan kadang-kadang sistem yang dibuat oleh Rancangan Buku Hijau tak diterima oleh petani kita. Bolehkah Menteri ini mengaku Rancangan Buku Hijau tidak berjaya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya agak keliru hendak membezakan di antara rancangan yang dibuat oleh petani dengan rancangan yang dibuat di bawah Rancangan Buku Hijau. Apa yang saya tahu seruan daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri adalah meminta semua petani-petani menanam jenis tanam-tanaman. Jika sekiranya petani itu berjaya menanam sebagaimana di Johor, maka kita boleh iktiraf yang ini di bawah Rancangan Buku Hijau; di bawah seruan Yang Amat Berhormat Tun, saya tidak fikir petani menerima seruan lain daripada seruan Yang Amat Berhormat Tun. Menerima seruan daripada siapa? Saya tak faham di dalam soal ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bila beliau tak faham, saya hendak fahamkan. (*Ketawa*) Maksud saya begini bahawa Rancangan Buku Hijau itu telah ditunjukkan oleh Jabatan-jabatan Pertanian di daerah-daerah dan telah memberi sedikit-sebanyak baja, benih dan sebagainya menurut Rancangan Buku Hijau, tetapi ada segolongan petani menanam sayur tak peduli bantuan daripada Jabatan Pertanian, dia terus menanam sayur. Saya hendak contohkan dalam negeri saya orang Tionghua dia tak peduli Rancangan Buku Hijau, dia tanam sayur, hasilnya berluri-lori dalam sehari, tak kena mengena dengan buku hijau tetapi sayurnya masih hidup. Ini yang diakui oleh Kementerian, orang lain buat, dia mengaku. Adakah ini betul atau tidak?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum dalam negara kita ada dua jenis rakyat petani. Yang pertama jenis rakyat yang menerima seruan daripada Kerajaan, yang kedua rakyat yang suka hidup berdikari. Jadi rakyat yang hidup berdikari ini patut diberi pujian oleh Kerajaan dan rakyat yang menunggu seruan daripada Kerajaan supaya mencontohi kepada rakyat yang sudah hidup berdikari seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana rakyat di kawasan itu rajin-rajin, saya harap

kalau dapat rakyat lain ikut contoh seperti itu, tetapi ini bukan bermakna Rancangan Buku Hijau telah gagal, sedikit sebanyak Rancangan Buku Hijau telah menyumbang-kan bagi mengatasi inflasi di negara kita.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri mengatakan rakyat negeri ini ada dua macam, yang pertama rakyat yang kena seruan, dijampi baru dia sedar, satu lagi rakyat yang terus bekerja. Rakyat yang kena seru tadi mula-mula kena seru itu diberi baja, diberi trektor, mereka bekerja selama 1-2 bulan. Pada hari ini Timbalan Menteri mengakui atau tidak kalau kita pergi ke daerah-daerah, tak ada penanam sayur-sayuran. Di Selangor, di tiap-tiap daerah kalau kita pergi barangkali jarang orang menanam, saya tak pergi ke Johor, barangkali orang Johor kuat bekerja, tetapi di Selangor ada tempat-tempat tak ada penanaman sayur. Betul atau tidak begitu sebab saya tengok sendiri.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tak betul, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Rakyat di Selangor pun rajin-rajin. Saya dukacita Yang Berhormat mengatakan rakyat di Selangor tidak ada memberi sambutan. Yang sebenarnya, di kawasan luar bandar mereka yang menanam tetapi kalau dicari di Petaling Jaya memanglah tak ada, sebab kawasan tanahnya pun tak ada. Di kawasan luar bandar saya nampak keperluan beras pun sudah bertambah, sayur pun bertambah juga begitu juga ternakan ayam, baru disebut oleh Yang Berhormat tadi, pada satu ketika harganya turun kerana terlampau banyak orang membela ayam. Itu satu daripada saksi yang mana untuk menghujjah pendapat daripada Ahli Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

PENJUAL KERETA MENUKAR TEMPOR JAMINAN

3. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa penjual-penjual kereta menukar tempoh jaminan kereta baru yang mereka jual dari satu tahun atau 10,000 batu kepada 6 bulan atau 6,000 batu seperti sekarang, jika sedar mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, perkara disebabkan tempoh jaminan kereta baru adalah perkara di antara pihak penjual dengan pihak yang mengguna kereta. Oleh kerana perkara ini perkara perundingan, keputusan di antara kedua pihak ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang sebenarnya tidak terlibat dalam perkara penentuan tempoh jaminan kereta baru samada dari segi jumlah perbatuan ataupun dari segi masa 6 bulan ataupun setahun. Walau bagaimanapun Kementerian ini memang sedar tentang adanya tempoh jaminan yang berbeza menurut jenis-jenis kereta. Pada kebiasaannya jaminan yang diberikan terhadap kereta-kereta baru adalah diantara 6 bulan hingga satu tahun ataupun 6,000 batu hingga 12,000 batu. Jaminan ini berdasarkan tempoh atau jumlah perbatuan tersebut bukanlah merupakan satu perubahan baru.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tempoh jaminan ini telahpun dikurangkan oleh pihak yang membuat kereta-kereta baru di negeri ini selepas kita assemble kereta-kereta di negeri ini. Pada masa kita mengimpot kereta daripada luar negeri tempoh jaminan itu satu tahun atau 10,000 batu akan tetapi selepas kita assemble kereta-kereta di tanah-air kita tempoh jaminan itu telahpun dikurangkan ke 6,000 batu atau 6 bulan. Oleh kerana mereka itu takut menjamin satu tahun atau 10,000 batu kereta itu tidak boleh dijamin, quality kereta itu tidak berapa baik jika dibandingkan dengan kereta yang kita impot daripada luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar akan keadaan ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya kata tadi perkara penentuan tempoh masa jaminan kereta adalah perkara di antara penjual dengan pengguna. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidaklah dalam kesedaran Kementerian. Dalam pada itu kalaulah betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat bahawa tempoh masa telah dikurangkan terhadap kereta-kereta yang dipasang di sini, Kementerian akan menyiasat tetapi setakat yang kami tahu motokar-motokar yang dipasang di sini mutunya adalah sama baik

kecuali ada satu-dua lapuran terhadap satu-satu model tetapi pada keseluruhannya kami berpuas hati di atas mutu pemasangan kereta di sini dengan kerana ada kawalan yang rapi, bukan sahaja dari pihak pengeluar motokar-motokar yang dipasang di sini bahkan juga ada kawalan rapi daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

GURU-GURU MELANJUTKAN PELAJARAN

4. Tuan A. Arunasalam: minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru yang telah memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka di berbagai-bagai universiti di negara ini dalam tahun 1975 dan berapa ramaikah daripada mereka yang berjaya;
- (b) memandangkan kepada kekurangan guru-guru siswazah di negara kita pada masa sekarang, samada Kementerian ini bercadang untuk menambah bilangan guru-guru yang mengikuti kursus di peringkat universiti terutama sekali dalam kursus-kursus luar kampus di Universiti Sains Pulau Pinang; dan
- (c) samada Kementerian ini akan menimbang memberikan cuti bergaji penuh selama setahun kepada guru-guru dan lain-lain kakitangan Kerajaan yang sedang mengikuti kursus-kursus luar kampus di Universiti Sains Pulau Pinang apabila mereka menjadi penuntut-penuntut universiti sepenuh masa sebagai suatu galakan kepada mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 813 guru-guru telah memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan pada tahun 1975. Jumlah yang diterima masuk oleh universiti ialah seramai 403 guru.
- (b) Kementerian Pelajaran sentiasa menggalakkan guru-guru melanjutkan pelajaran ke universiti demi untuk menambahkan bilangan guru-guru siswazah. Oleh itu semua permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti baik bagi kursus penuh masa mahu pun bagi

kursus luar kampus adalah ditimbangkan oleh Kementerian dengan syarat:

- (i) mereka mendapat tempat di universiti;
- (ii) mengikuti kursus atau mata-pelajaran yang diperlui oleh Kementerian; dan
- (iii) memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang lain.

Syarat yang kedua perlu ditegaskan iaitu mereka mesti mengikuti kursus atau matapelajaran yang diperlui oleh Kementerian Pelajaran. Bukan semua kursus diperlui untuk tujuan pengajaran di sekolah-sekolah. Sebab itu guru-guru yang ingin mengikuti kursus yang tidak ada kena-mengena dengan tugas mereka sebagai guru, tidak akan dipertimbangkan untuk diberi cuti. Perkara ini patut difaham oleh semua pihak supaya rayuan tidak dibuat lagi oleh guru-guru yang tidak patuh kepada syarat itu.

- (c) Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak memberi cuti bergaji penuh kepada guru-guru yang sedang mengikuti kursus luar kampus di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang apabila mereka menjadi penuntut universiti sepenuh masa. Mereka adalah diberi cuti separuh gaji sama seperti yang diberikan kepada guru-guru yang mengikuti kursus sepenuh masa dari tahun satu hingga tahun akhir. Bagi kakitangan Kerajaan yang lain, mereka diberi cuti belajar mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1974 iaitu cuti tanpa gaji.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah guru-guru yang diberi peluang mengikuti kursus lanjutan ini akhirnya mereka gagal—tidak berjaya, adakah Kementerian ini memberi jaminan setelah mereka gagal mereka akan diterima balik mengajar di sekolah asal sebagai guru biasa?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka gagal tentulah mereka kena memohon sekali lagi supaya dapatlah kita mengambil balik mereka.

pajakgadai.

Puan Rafidah Aziz: Soalan tambahan. Dalam Undang-undang yang akan digubal itu kelak adakah Kerajaan dapat hendak menimbang supaya pajakgadai-pajakgadai itu selain daripada diselaraskan kadar bunga yang dikenakan ataupun diselaraskan

... ..
dibaca, memang dibuat begitu—kertas halus. Saya tidak bawa hari ini, saya pun ada bergadai, halus sangat tidak boleh dibaca langsung, samada faedahnya 2½% ataupun 3%, kita tidak nampak langsung. Bolehkah dalam Undang-undang ataupun sebagainya mensyaratkan supaya kertas itu tidak boleh dipakai, biarlah dia pakai kertas yang terang

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bermohon adalah satu soalan, iaitu boleh jadi diterima dan boleh jadi ditolak. Apa yang saya mahu ialah dengan sebab dia guru, dia gagal dan bila dia gagal dia diterima dengan tidak payah memohon untuk menjadi guru, boleh atau tidak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat pemilihan calon-calon untuk memasuki kedua buah Sekolah Rendah Berasrama Penuh di Trengganu, iaitu di Ulu Trengganu dan Ulu Dungun, belum lagi ditetapkan.

Walau bagaimanapun Pejabat Pelajaran

2603

12 JANUARI 1976

2604

sedikit supaya jangan ada penipuan. Kalau Yang Berhormat belum nampak lagi resit pajakgadai itu pada satu hari saya boleh bawa ke pejabat Yang Berhormat, bolehkah dibuat begitu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ini saya boleh ambil perhatian.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan bahawa tugas mengawasi dan mengeluarkan lesen pajakgadai ini diletakkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Bolehkah atau tidak Menteri yang berkenaan menyatakan samada pihak Kerajaan Persekutuan ataupun Menteri yang bersabit, boleh memberi kebenaran kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kalau sekiranya Kerajaan Negeri itu suka hendak menambah syarat-syarat untuk menjamin orang-orang yang bergadai itu jangan terkena tipu umpamanya, bolehkah tidak syarat-syarat tambahan dikuatkuasakan ataupun ditambah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Jikalau ada syor seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berhubung dengan negeri-negeri itu dan boleh ambil keputusan yang sewajarnya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, sebagaimana kita semua tahu perniagaan ini sedang dijalankan oleh cuma satu kaum, apa sebabnya kaum-kaum bumiputra dan lain-lain tidak menjalankan perniagaan ini dan adakah apa-apa cadangan oleh Kementerian beliau untuk memberi kepada bumiputra kita menjalankan perniagaan ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak banyak orang, baik orang China, baik bumiputra, baik orang India suka menjalankan perniagaan pajakgadai ini, hanya sebilangan kecil sahaja yang selalu menjalankan perniagaan pajakgadai ini.

JUALAN UBAT-UBAT KEPADA SWASTA

7. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan adalah bukti-bukti sah bahawa kakitangan jabatan perubatan menyeleweng dan menjual ubat-ubat kepada pihak swasta. Jika ya, jumlah

kerugian yang dianggarkan, jenis-jenis ubat, berapa lamakah perbuatan salah itu berjalan dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, bukti-bukti yang sah tidak diperolehi bahawa Kakitangan Jabatan Perubatan menyeleweng dan menjual ubat-ubat kepada pihak swasta.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjawab tadi mengatakan tidak ada bukti-bukti yang sah, tetapi saya suka menyatakan walaupun tidak ada bukti-bukti yang sah, tetapi saya tahu ada penyelewengan berkenaan dengan kakitangan Jabatan Perubatan yang menjual ubat kepada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu.

Dr Lim Ah Sitt: Saya hendak sambung lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk bahasan.

Dr Lim Ah Sitt: Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin hendak teruskan soalan tambahan saya ini. Jadi, saya hendak tahu adakah satu sistem yang lebih ketat dan berkesan dibuat di semua dispensary di semua hospital supaya tiap-tiap ubat yang dikeluarkan (prescribed) kepada orang sakit dikira tiap-tiap bulan supaya kita tahu berapa bakinya dan kita akan tahu ubat itu kurang atau tidak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, memang bahagian dan pengeluaran ubat daripada Kuala Lumpur ke Negeri dan dari Negeri-negeri ke hospital-hospital adalah terkawal. Saya ingin menerangkan dengan panjang lebar kepada Ahli Yang Berhormat cara-cara kita mengawal ubat-ubat di bawah sistem kawalan setor-setor yang ada sekarang ini, ubat-ubat yang dibeli oleh Kementerian adalah disimpan di Setor Pusat, Petaling Jaya. Apabila mana-mana Setor Negeri berkehendakkan bekalan ubat, pesanan adalah diluluskan oleh Ketua Jabatan Perubatan Negeri dengan menggunakan borang-borang yang perlu. Apabila

bekalan telah dibuat, rekod-rekod pengeluaran disimpan di Setor Pusat, Petaling Jaya, manakala rekod-rekod penerimaan dibuat di Setor-setor Negeri. Setor Negeri pula menghantar bekalan ini kepada hospital-hospital atau Pusat-pusat Kesihatan melalui pesanan-pesanan yang dibuat oleh unit-unit tersebut. Pesanan-pesanan itu ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab, misalnya, Penguasa Perubatan, Pegawai Perubatan Hospital-hospital ataupun Pusat Perubatan. Rekod-rekod pengeluaran itu disimpan di Setor-setor Negeri dan rekod-rekod pengeluarannya pula di setor-setor yang menerima bekalan itu. Ke semua rekod-rekod dan stok-stok disemak oleh Jabatan Odit dan oleh Penyemak Kira-kira Barang Kementerian ini serta juga oleh Penguasa Perubatan Negeri, Ahli-ahli Kimia Ubat, Pengarah-pengarah Perubatan Negeri dan pegawai-pegawai Kementerian ini. Apabila sesuatu ubat itu dikeluarkan daripada Pusat Kesihatan dan Dispensary Hospital rekod pengeluarannya disimpan oleh Pusat Kesihatan dan Dispensary itu. Rekod-rekod ini juga disemak oleh pegawai-pegawai yang menyelia, misalnya, Ahli-Kimia Ubat Hospital atau Negeri, Penguasa-penguasa Perubatan dan Pengarah-pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri. Jika Yang Berhormat mengetahui berlakunya sesuatu kecurian ubat dari mana-mana hospital ataupun Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang nyata diharap Yang Berhormat dapat memberikan bukti-bukti itu kepada saya supaya saya boleh menyasat dan jika perlu tindakan mahkamah boleh diambil terhadap yang mencuri itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan baharu sebentar tadi, menurut hemat saya itu tidak kena-mengena dengan soalan asal. Dengan sebab itu, jawapannya itu jawapan lain kepada saya. (*Ketawa*)

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bukan soalan asal, saya menjawab soalan tambahan, maka yang saya menjawab itupun adalah jawapan tambahan.

LORI TRAILER—PENGELUARAN LESEN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk memberhentikan pengeluaran lesen-lesen lori "trailer" memandangkan kepada besarnya bilangan kemalangan-kemalangan lori "trailer" pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk memberhentikan pengeluaran lesen-lesen lori trailer kerana memandangkan bertambahnya barang-barang yang hendak diangkut daripada satu ke satu tempat selaras dengan Dasar Pembangunan Negara. Kalau diberhentikan pengeluaran lesen-lesen lori jenis ini, masalah-masalah sosial dan ekonomik Negara kita akan timbul kerana adalah hasrat Kementerian ini untuk memberi perkhidmatan yang cekap, cepat, dan selesa yang diperlukan oleh rakyat sendiri.

Kemalangan-kemalangan jalanraya adalah satu perkara yang berlainan dengan pengeluaran lesen-lesen lori. Kerajaan telahpun mengadakan peraturan-peraturan iaitu Motor Vehicles (Construction and Use) Rules Tahun 1959 untuk mengawal lori-lori tersebut sebagai satu ancaman terhadap keselamatan jalanraya. Selain daripada peraturan ini, Kementerian saya juga mengadakan tindakan-tindakan kuatkuasa dari semasa ke semasa yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan bersama-sama dengan pihak Polis supaya peraturan-peraturan yang ditentukan itu dipatuhi. Jika sekiranya didapati lori-lori ini melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh membahayakan keselamatan jalanraya tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Oleh yang demikian, Kerajaan memang tidak bercadang hendak memberhentikan pengeluaran lesen-lesen lori "trailer" ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab itu tahu apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator

Tuan Ibrahim bin Yaacob ini telah diperiksa oleh Kementerian iaitu merbahayanya lori trailer ini, sebab apabila brake trailer itu berpusing dan menghentam orang. Jadi, kalau merbahaya begini, patut atau tidak patut diberhentikan pengeluaran lesen lori trailer ini dan difikirkan pula oleh Kementerian bagaimana caranya pula pengangkutan mesti terus dijalankan, tetapi jangan digunakan trailer.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan tadi, ada peraturan-peraturan yang sedia ada itu iaitu Motor Vehicles (Construction and Use) Rules Tahun 1959 telah cukup untuk mengawal keadaan lori-lori yang mempunyai trailer-trailer itu berdasarkan prinsip-prinsip motor engineering yang telah diterima oleh bukan sahaja negara kita tetapi juga oleh negara-negara international yang maju. Dan jika ada kes-kes yang mana pemandu-pemandunya berek dengan sertamerta dan mengakibatkan trailer membuang ekornya, saya percaya itu adalah diakibatkan bukan atas construction dan use yang tidak sempurna tetapi adalah diakibatkan oleh cara memandu yang cuai atau yang kurang bagus. Itu sahaja. Dan perkara itu saya percaya adalah satu soal memandu dan bukan satu soal construction dan use lorry trailer itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dunia luar juga memakai trailer. Tetapi jalan-jalan di luar negeri seperti di Eropah jika dibandingkan dengan jalan-jalan di negeri kita adalah berlainan. Kalau kita pergi ke Germany, di Autobarn misalnya, empat, enam atau lapan buah lori trailer semua jalan satu tempat dengan kelajuan betul-betul 35 batu satu jam, itu lain, bolehlah dikeluarkan. Tetapi macam kita di Malaysia, bukannya olok-olok, lori itu jika corner, dia membabas, jika hari hujan sedikit sahaja dia membabas kena orang. Bolehkah difikirkan supaya tak usah dikeluarkan lesen sekarang, jika sudah siap highway Kuala Lumpur-Singapura, ada dual carriage way, barulah dikeluarkan lesen itu. Bolehkah atau tidak. Kalau tidak, rakyat habis jahanam.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersimpati dengan cadangan-cadangan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Raja

Datuk Nong Chik itu tetapi seperti yang saya telah jelaskan itu pada setakat ini memandangkan kepada kemajuan negara kita, kita rasa masih ada perlunya membiarkan lori trailer itu menjalankan perkhidmatannya dan sukar untuk memutuskan supaya tidak akan keluarkan lesen lori trailer itu lagi. Memang Kementerian saya tahu dan sedar juga, negara-negara lain yang lebih maju mempunyai lebuh raya yang mempunyai lane-lane yang banyak dan barangkali jalan-jalan itu lebih baik jika dibandingkan dengan jalanraya kita ini. Tetapi saya percaya juga jalanraya bagi negara-negara asing itu adalah lebih baik maka trailer yang dibenarkan oleh negara itu lebih panjang jika dibandingkan dengan negara kita. Dan Kementerian saya pun sentiasa juga mengawasi keadaan-keadaan jalanraya dalam negara kita itu dan sentiasa diperbaiki dan dielakkan lagi di mana-mana yang boleh. Tetapi walau bagaimanapun, oleh sebab perasaan yang begitu hebat daripada Ahli Yang Berhormat itu, saya akan bawakan cadangan itu kepada Pengarah Highway Planning Unit di bawah Kementerian saya dan akan dikaji.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kemalangan ini berlaku ialah disebabkan kadangkala kerana lari kuat atau laju. Dan kita percaya ini satu daripada sebabnya kemalangan itu berlaku. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan sebab kuat lari atau laju menjalankan lori itu ialah kerana hendak bayar lesen (cukai jalanraya) yang mahal? Kerana lori trailer ini lesennya dua lapis. Lesen lori lain, dan trailer lesennya lain. Dan tiap-tiap tiga bulan kena \$1,650 lebih kurang. Jadi kerana hendak mempercepatkan masa kerana hendak bayar lesen, lebih-lebih lagi negeri kita ini di Pantai Timur dan Pantai Baratnya hujan turun lebih daripada 3 bulan dalam setahun, jadi trailer tidak boleh ambil kayu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan supaya lesen trailer itu diturunkan supaya dia boleh lari slow sedikit? (*Ketawa*).

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada bukti yang jelas yang boleh menunjukkan lajunya lori trailer dibawa tidak secara langsung (directly) disebabkan kadar lesen itu, maka Kementerian saya bolehlah menimbangkan juga. Tetapi

sukar untuk diterima tuduhan itu sebenarnya, sebab mengikut pengalaman Road Safety Council dan Kementerian saya pada keseluruhannya, kemalangan bukan sahaja berlaku pada lori yang ada trailer atau tidak tetapi juga ada berlaku dikalangan pemandu kereta sewa atau private. Kemalangan ini berlaku adalah diakibatkan oleh attitude of drivers baik motokar ataupun lori yang ada trailer atau tidak.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Berkenaan dengan muatan lori-lori ini sebagaimana yang kita ketahui lori trailer ini selalunya membawa muatan lebih dan susah hendak ditimbangan. Adakah pihak Kementerian akan mengadakan tempat timbangan lori ini bagi tiap-tiap Negeri?

Yang kedua, berkenaan dengan lori trailer ini juga kebanyakannya boleh dikatakan dapat ditangkap kerana muatannya lebih dan adakah sesebuah lori itu bila telah beberapa kali dia ditangkap, Kementerian ada mengambil langkah terutamanya dalam soal lori muatan lebih yang menyebabkan selalunya berlaku kemalangan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama itu mengenai mengadakan tempat-tempat timbangan untuk menimbang lori yang disyaki ada membawa muatan yang terlampau banyak. Kementerian saya dengan kerjasama pihak Polis memang ada menjalankan satu rancangan dan weighbridge itu sedang dirancangan dan akan dipasang juga di beberapa tempat tetapi kita belum mampu hendak mengadakan satu weighbridge untuk satu-satu negeri. Malahan kalau kita mengkaji sistem jalanraya kita, barangkali tidak praktik juga dan lebih sesuai weighbridge ini ditempatkan di satu-satu tempat atau strategic point untuk menimbang lori-lori yang disyaki membawa lebih had muatan. Itu sedang dijalankan.

Yang kedua, mengenai soal penguatkuasaan dan itu terpulang kepada enforcement officer dari Kementerian saya iaitu dari R.I.M.V. dan juga kepada pegawai-pegawai Polis dan kita tahu juga pada masa sekarang itu masalah yang dihadapi bukan sahaja Kementerian saya tetapi juga oleh pihak Polis sendiri kerana kekurangan bilangan pegawai yang akan menjalankan kuatkuasa

itu. Akan tetapi walau bagaimanapun dalam keadaan yang susah, kita adalah sedaya upaya menjalankan kerja penguat-kuasaan itu.

PERKHIDMATAN KERETAPI KELAS TIGA

9. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar kesesakan penumpang-penumpang di kelas tiga Perkhidmatan Keretapi khasnya pada masa perayaan dan cuti am di mana banyak penumpang-penumpang tua, yang sakit dan orang perempuan terpaksa berdiri sepanjang jalan sehingga tempat ditujunya. Bolehkah Menteri mengambil tindakan yang sesuai untuk mengadakan lebih banyak kereta kelas tiga di mana perlu dan menghadkan penjualan tiket mengikut tempat-tempat duduk yang ada sahaja.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya sedar benar dan sesungguhnya telahpun mengambil langkah yang berkesan bagi memperbaiki situasi-situasi yang dirungutkan itu. Keretapi Tanah Melayu sedang mengadakan 10 lagi pelayan train penumpang sebagai tambahan yang melibatkan sebanyak 88 coach journey pada tiap-tiap hari untuk disesuaikan dengan orang ramai semasa hari perayaan dan percutian sebagai langkah yang segera bagi memperbaiki situasi itu. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Keretapi Tanah Melayu telah memesan untuk membeli sebanyak 14 coach-coach berhawa dingin dan 20 buah coach tidak berhawa dingin. Coach ini akan digunakan apabila diterima menjelang akhir tahun 1976 ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 87 buah coach-coach lagi dirancangan untuk dibeli dan adalah diharapkan iaitu apabila coach-coach ini digunakan maka situasi itu akan bertambah baik. Suatu langkah segera untuk mengatasi keadaan yang ada ialah Keretapi Tanah Melayu telah mengambil langkah untuk membuat sendiri coach-coach dan coach yang pertama yang dibuat oleh bengkel Keretapi di Sentul akan siap pada tahun ini. Di samping itu suatu langkah segera sedang dilakukan oleh bengkel Keretapi Sentul sekarang iaitu mengubahsuaikan 60 buah parcel van untuk menjadi coach penumpang Kelas Tiga.

Bengkel Sentul juga akan menjalankan pemasangan wagon-wagonnya sendiri sekarang, ini membuktikan dengan jelas bagaimana seriousnessnya pentadbiran Keretapi Tanah Melayu berusaha menambah coach dan memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah atau cara yang difikir oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengawasi perjalanan keretapi sekarang, kerana apa yang mendukacitakan sekali ialah selalu berlaku kemalangan keretapi tergelincir sehingga orang ramai terganggu.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Langkah-langkah menjaga supaya tidak berlaku kegelinciran itu sedang dijalankan dari semasa ke semasa, akan tetapi kadang-kadang kemalangan seperti kegelinciran tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab yang di luar daripada kawalan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya berpuas hati di atas penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas gerabak keretapi. Tetapi yang saya hendak tahu, apakah tindakan ataupun adakah dapat Kerajaan pada masa akan datang menjamin keselesaan (comfort) rakyat yang menaiki keretapi, membeli tiket keretapi, kemudian tiap-tiap yang membeli tiket seperti di negeri lain dia dapat duduk dalam keretapi serta dapat tempat dalam keretapi itu. Tetapi di negeri kita orang-orang membeli tiket dari Kuala Lumpur sampai ke Seremban atau sampai ke Segamat pun tidak dapat duduk, terpaksa berdiri dan terus berdiri. Pada masa akan datang bolehkah dibuat satu sistem di mana tiap-tiap pembeli tiket dapat duduk.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini memang disedari oleh pihak pentadbiran Keretapi sendiri, tetapi dalam hari-hari perayaan ada satu faktor yang harus dipertimbangkan, kerana terlalu ramai orang yang hendak naik keretapi, maka samada hendak dibenarkan semua orang yang hendak membeli tiket membelinya atau tidak. Kadang-kadang di setengah-setengah tempat stesyen keretapi kalau tidak dijual tiket orang-orang akan melakukan kekerasan kepada pihak kakitangan Keretapi sendiri kerana tidak menjual

tiket, sedangkan di hari-hari perayaan masing-masing hendak menaiki keretapi, walaupun kena berdiri sampai ke akhir perjalanan pun tidak mengapa. Oleh sebab itu usaha sedang dijalankan pada masa ini bagi menambah coach-coach yang ada, dan oleh kerana coach yang dibeli atau dipesan memakan masa setahun atau dua tahun untuk siap dan sampai, maka langkah segera untuk menukarkan parcel van menjadi coach Kelas Tiga sepenuhnya. Jadi 60 buah parcel van yang akan diubahsuaiakan bagi coach penumpang Kelas Tiga ini akan menambah sekurang-kurangnya 2,000 tempat duduk lagi bagi coach keretapi Kelas Tiga untuk menampung keperluan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu untuk soal-jawab sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah bersidang lima hari, tinggal 12 hari lagi dan sehingga sekarang kita hanya meluluskan enam Rang Undang-undang daripada sejumlah 32 Rang Undang-undang yang telah dibawa ke hadapan Majlis ini. Dari 12 hari yang tinggal itu enam hari telah dibahagikan untuk perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan dalam enam hari bakinya, Dewan ini hendaklah menimbang dan meluluskan 25 Rang Undang-undang. Dalam keadaan begitu terpaksa saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama memendekkan ucapan-ucapan mereka sedaya upaya supaya Dewan ini dapat menghabiskan kerjanya dengan lincin dan tanpa memerlu persidangan sampai larut malam dalam masa yang singkat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini sudah lama di-kandung iaitu lebih daripada tujuh tahun untuk dilahirkan pada hari ini, di Dewan yang mulia ini. Oleh kerana Rang Undang-undang ini dijangka akan meliputi seluruh

bidang Profesion Undang-undang, maka Yang Berhormat Peguam Negara dan wakil-wakil Majlis Peguam (Bar Council) telah bersetuju sebagaimana yang sewajarnya supaya tugas menggubal Rang Undang-undang ini diberikan kepada Majlis Peguam. Demikianlah kedudukannya pada 26hb Februari tahun 1968. Pada bulan Mac, 1974 iaitu enam tahun kemudiannya Majlis Peguam telah menyerahkan draf Rang Undang-undang ini kepada Yang Berhormat Peguam Negara. Semenjak itu draf Rang Undang-undang ini telah dikaji dengan telitinya oleh pegawai-pegawai Kementerian Undang-undang dan telah dipinda dan dibuat catitannya dengan sewajarnya dari segi teknikal dan dasar. Tidak syak lagi bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu undang-undang yang penting bukannya semata-mata bagi mereka yang berprofesion undang-undang bahkan bagi orang ramai. Dengan tercapai kemerdekaan yang lengkap dihias dengan Perlembagaan Bertulis wujudlah suatu zaman yang sibok dengan pengeluaran undang-undang, it has been a legal explosion of laws in Parliament.

Tahun demi tahun semenjak merdeka bilangan undang-undang yang dikeluarkan telah semakin bertambah untuk menunaikan keperluan masyarakat yang berubah dengan cepatnya dan yang ingin persaingan dengan keadaan alam yang semakin maju. Oleh hal yang demikian, semakin banyak undang-undang yang kita buat, semakin banyak kita perlukan peguam, mahkamah dan Badan Pengadilan supaya dapat diadakan keseimbangan keadilan antara pihak-pihak yang mempunyai kepentingan yang berlawanan dan untuk memelihara ketenteraman, keamanan dan kemajuan. Malangnya untuk hidup sebagai suatu masyarakat yang moden terpaksa kita memikul beban mengenakan berbagai-bagai undang-undang yang rumit yang semakin lama semakin kita tidak dapat bebas daripadanya.

Kita dalam Parlimen membuat Undang-undang tetapi peguam-peguam dalam Mahkamah cuba mentafsirkannya mengikut keperluan client-client mereka. Hakim-hakim pula cuba mentafsirkannya mengikut pendapat mereka yang mungkin sesuai atau tidak sesuai dengan pendapat peguam-peguam itu atau mereka buat undang-undang dengan menggantikan apa-apa yang ketinggalan dalam undang-undang yang dibuat

oleh Parlimen tetapi untuk memberi keadilan bukannya untuk mengadakan undang-undang.

Bila ada ketinggalan pada undang-undang yang dibuat oleh Parlimen Hakim-hakim cuba menggantikannya dengan berkata, apa yang telah digantinya itu ialah yang tentu akan dicadangkan atau yang sepatutnya dicadangkan oleh Parlimen dan dalam membuat undang-undang Buatan Hakim (Judge made law.) Peguam-peguam adalah memainkan peranan yang penting dengan membantu Hakim-hakim membuat undang-undang itu. Tidaklah dinafikan bahawa peranan peguam amatlah penting terutama dalam masyarakat yang demokratik dan berparlimen seperti masyarakat kita.

Dalam beberapa abad yang berlalu profesion Undang-undang telah diiktirafkan sebagai satu profesion yang mulia dan dia telah mendapat gelaran arif. Sesungguhnya di beberapa banyak negeri ia dianggap satu daripada 3 profesion yang paling arif (one of the three learned professions). Jika profesion undang-undang tersebut diberi taraf yang mulia maka mustahak sangatlah ahli-ahlinya memelihara kemuliaannya. Apabila bilangan ahli sesuatu golongan profesion bertambah ramai tidak syak lagi kesopanan profesionalnya akan menjadi lemah oleh kerana ragam sebilangan kecil daripada ahli-ahlinya. Segelintir ahli-ahlinya dengan senang sahaja boleh membusukkan nama baik profesion yang mulia. Oleh itu, tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk memelihara kemuliaan profesion undang-undang dan mengawal kelakuan ahli-ahlinya yang semakin ramai bertambah bilangan itu.

Untuk mengetahui betapa suburnya perkembangan profesion undang-undang di negeri ini lihatlah bahawa dalam tahun 1947 kita ada 302 orang pengamal undang-undang (in 1947 there were only 302 legal practitioners). Dalam tahun 1957 ada 486 orang; dalam tahun 1967 ada 962 orang dan pada akhir tahun 1975 ada 1,706 orang.

Bilangan pengamal undang-undang telah bertambah 2 kali ganda banyaknya tiap-tiap 10 tahun di Malaysia Barat semenjak 1957. Menjelang tahun 1977 kita akan ada lebih kurang 2,000 orang pengamal undang-undang (legal practitioners). Ini bermakna kita bolehlah dikatakan akan ada seorang pengamal undang-undang bagi tiap-tiap 5,000

orang di negeri ini. Nampaknya, bilangan pengamal undang-undang bertambah dengan kencangnya dan ada tanda yang menunjukkan bahawa pada masa hadapan semakin banyak peguam akan melencong ke profesion lain. Biar apa pun profesion yang mereka pilih tetapi semua orang tahu bahawa mereka nampaknya terkemuka dalam satu lapangan dan lapangan itu ialah lapangan politik iaitu suatu lapangan yang tidak memerlukan sesuatu kelayakan yang tertentu. Oleh hal yang demikian, jelas kelihatan jika kita kira bahawa antara 19 orang ahli Jemaah Menteri kita 8 orang daripadanya ialah peguam dan ahli-ahli profesion undang-undanglah yang terbanyak dalam Jemaah Menteri dan Parlimen. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini tidaklah mengawal kelakuan peguam dalam tiap-tiap profesion, sungguhpun begitu jika ia telah disabitkan atas satu kesalahan jenayah yang menjadikan ia tidak layak menjadi ahli profesion undang-undang atau jika ia menjalankan sesuatu trade (perniagaan atau perusahaan) yang pada pendapat Majlis Peguam bertentangan dengan profesion undang-undang, ia boleh dikeluarkan dari Pendaftaran Peguambela dan Peguamcara. Dengan lain-lain perkataan, selain seseorang peguam didaftarkan dalam Pendaftaran Peguambela dan Peguamcara samada ia menjalankan amalan atau tidak terpaksalah ia menjauhkan diri daripada kesalahan jenayah dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan profesion undang-undangnya. Oleh hal yang demikian, sematamata menegaskan bahawa sekali menjadi peguam tetap menjadi peguam. (once a lawyer, always a lawyer), dan seseorang peguam baik apapun lapangan hidupnya hendaklah mengingatkan iaitu janganlah ia sekali-kali melakukan sesuatu yang bertentangan dengan profesion undang-undangnya.

Pada masa ini profesion undang-undang di Semenanjung Malaysia adalah dikawal oleh Ordinan Peguambela dan Peguamcara 1940 (Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Ordinan Peguambela dan Peguamcara 1947 telah menyatukan enekmen-enekmen yang berlainan yang dibuat terdahulu daripadanya untuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Selat dan Negeri Johor. 28 tahun telah berlalu semenjak undang-undang yang ada sekarang ini telah diluluskan dan kesedaran betapa perlunya ia dikemaskinikan semakin bertambah disebabkan oleh keadaan

telah jauh berubah, tetapi ini tidaklah mengatakkan bahawa Rang Undang-undang ini terpisah sama sekali daripada undang-undang yang ada sekarang ini. Ia mengandungi sifat-sifat yang mustahak yang ada pada undang-undang yang ada sekarang ini dengan ubahsuaian-ubahsuaian dan pindaan-pindaan yang menjadi perlu oleh kerana peredaran zaman. Elok juga kalau saya terangkan sifat-sifat Rang Undang-undang ini yang penting bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sungguhpun Rang Undang-undang ini pada prinsipnya boleh dipakai di seluruh Malaysia tetapi pada praktiknya ia hanya boleh dipakai di Sabah dan di Sarawak dengan ubahsuaian-ubahsuaian (modifications) yang diberi oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perintah, Fasal 4 hingga 9, Bahagian II memperuntukkan penubuhan suatu Lembaga Kelayakan yang akan mengaturkan latihan dan pendidikan kerani-kerani artikel (articled clerks) mengambil dan menggunakan khidmat pelatih-pelatih dan akan melantik pensyarah-pensyarah dan pemeriksa-pemeriksa mereka. Pengerusi bagi Lembaga ini ialah Peguam Negara.

Fasal 10 hingga 20 Bahagian II adalah mengenai orang-orang berkelayakan (qualified person). Seorang berkelayakan bolehlah ianya seorang barrister atau Peguamcara yang memperolehi kelayakan di England atau seorang Sarjana Muda Undang-undang yang memperolehi kelayakan di mana-mana universiti di Malaysia atau di Universiti Singapura.

Sir, a qualified person may be a barrister or a solicitor qualified in England or a Bachelor of Laws qualified in the University of Malaya or in the University of Singapore. Untuk diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara seseorang berkelayakan mestilah berumur lebih daripada 18 tahun dan berkelakuan baik. Ia hendaklah seorang warganegara Persekutuan atau seorang permastautin tetap (permanent resident in Malaysia) dan mestilah telah menjalani tempoh latihan yang ditetapkan. Tempoh latihan yang biasa ialah selama 12 bulan. This is the pupillage period to read in Chambers. Tetapi jika ia telah menghadiri atau tamat dengan memuaskan suatu kursus pengajaran yang disusun atau diiktiraf oleh Lembaga Kelayakan (the Qualifying Board)

tempoh latihan itu akan dikurangkan kepada 9 bulan. Walau bagaimanapun, Majlis Peguam adalah mempunyai budibicara untuk mengurangkan tempoh itu kepada 6 bulan jika orang yang berkelayakan itu telah berlatih dalam kamar (Chambers), seseorang pengawal undang-undang yang telah menjalankan amalan secara aktif selama lebih daripada 7 tahun.

Ada suatu peruntukan baru bagi seseorang berkelayakan telah berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan undang-undang selama tempoh 7 tahun dengan suatu sijil daripada Peguam Negara yang mengatakan bahawa ia adalah seorang yang layak dan patut diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara bolehlah ia diterima masuk tanpa menjalani apa-apa tempoh latihan. Jika seseorang berkelayakan telah berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan undang-undang hanya selama 3 tahun sahaja, Majlis Peguam boleh mengikut budibicaranya mengurangkan tempoh latihan baginya kepada 6 bulan.

Pada masa ini apabila sesuatu petition daripada seseorang untuk dimasukkan sebagai Peguambela dan Peguamcara didengar, Peguam Negara, Majlis Peguam dan Jawatankuasa Bar Negeri yang berkaitan adalah perlu diwakili pendengaran di dalam Mahkamah. Pada masa hadapan di bawah Rang Undang-undang ini tidaklah perlu melainkan jika Peguam Negara, Lembaga Kelayakan Majlis Peguam atau Jawatankuasa Bar Negeri yang berkenaan bercadang hendak membantah sesuatu petition. Walaupun ada sekatan-sekatan tentang siapa yang boleh menjalankan amalan sebagai Peguambela dan Peguamcara di Malaysia, Fasal 18 memberi peluang yang luas kepada seseorang untuk menggunakan khidmat seseorang peguam daripada seberang laut dalam sesuatu kes atau perkara yang tertentu. Peguam itu boleh diambil daripada tiga punca seberang laut yang berikut:

(i) Ia bolehlah seorang yang memegang patent Baginda Queen Britannica sebagai Peguam Queen (Queen's Counsel) daripada United Kingdom atau daripada mana-mana juga. Boleh juga daripada Ceylon jika ia jadi Queen's Counsel atau India atau lain-lain negeri Komanwel. Dalam hal ini tiada apa-apa kelayakan atau pengalaman istimewa perlu dibuktikan.

(ii) Ia tidaklah perlu menjadi seorang Peguam Queen dan bolehlah datang daripada mana-mana tempat dalam dunia ini dengan syarat ia mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa bagi kes atau perkara itu.

(iii) Ia adalah seorang Peguambela dan Peguamcara dari Singapura yang telah menjalankan amalan cara aktif selama tidak kurang daripada 7 tahun sebelum memohon untuk diterima masuk. Dalam hal ini juga tidak perlu dibuktikan sesuatu kelayakan atau pengalaman istimewa.

(*Dengan izin*) Sir, for the benefit of those how would like clarify on this, I would like to explain this in English. The reason is because this is an important provision—a facility given to the people here whether they are citizens or not, to engage a counsel from overseas to appear in certain matters.

The Bill provides this facility despite the restrictions as to who can practise as an advocate and solicitor in Malaysia. Only a qualified person can practise in this country and the qualified person has to be either a Barrister-at-Law from England or has to be a law graduate from our university or from the Singapore University. He has to be above the age of 18, he should have done what is known as pupillage, that means reading in Chambers of a practitioner of not less than 7 years' standing—that means to read under him as a pupil after having been qualified as a qualified person. After having become a Barrister-at-Law and after having obtained the Law Degree, one has to have training in a lawyer's office—we call it reading in Chambers—and after reading in Chambers and after going through an examination conducted by the Bar Council, only then will he be allowed to practise with a practising certificate. That is the position. But our law gives a liberal scope—it has been giving up to now—and also the new Bill gives it to any person, whether he is a citizen or not. If he wants to engage a lawyer from abroad with special experience and knowledge on a particular matter, he may do so on this condition.

There are only 3 types of people who would be allowed to be brought into Malaysia, to be admitted temporarily for a particular case only, not to stay here and continue indefinitely. He can be (a) either a

Queen's Counsel, that is the holder of Her Britannic Majesty's patent as Queen's Counsel from the United Kingdom or from anywhere because there are Queen's Counsels in other countries too, maybe in New Zealand, maybe Australia, maybe elsewhere. Sir, any Queen's Counsel so long as he is a Counsel to Her Britannic Majesty the Queen, can be engaged to appear for a matter on behalf of a person—I do not say a citizen—a person in this country. In this case, no special qualification or experience need be established so long as he is a Queen's Counsel.

The second category is he need not be a Queen's Counsel. He could be from anywhere, from any part of the world provided—this is the condition—that he has special qualifications or experience for that purpose or matter. For that particular case, he must have special experience or qualification, otherwise he would not be allowed, but he can come from any part of the world.

The third category is a lawyer from Singapore who is in active practice and who has practised for not less than seven years. Now he can be temporarily admitted to handle a case. In this case too no special qualification or experience need be established. This has been provided to enable a person if he wants to spend the money, if he wants to get a lawyer of eminence to handle his case in this country, to do so on these conditions.

Penerimaan masuk seseorang peguam dari seberang laut walau bagaimanapun adalah mengikut budi bicara mahkamah sendiri. Di bawah undang-undang yang ada sekarang ini dalam tiap-tiap kes mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa peguam dari seberang laut itu mempunyai jenis kelayakan atau pengamalan yang tidak boleh didapati di antara peguambela dan peguamcara di Malaysia. Syarat tidak boleh didapati itu tidak lagi dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini.

Sir, the admission of overseas counsel, however, is at the sole discretion of the Court. Under the present law the Court has to be satisfied that in every case that the overseas counsel has special qualifications or experience of a nature not available amongst advocates and solicitors in Malaysia; only then will the Court grant

permission under the present law. But this has been changed. The non-availability requirement or test is no longer needed by the present Bill.

Fasal 29 hingga 34 Bahagian III adalah mengenai sijil amalan yang hendak dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi pada tiap tahun dan adalah juga mengenai sijil tahunan yang hendaklah dikeluarkan oleh Majlis Peguam. Maka adalah suatu syarat utama bahawa sijil tahunan yang terhad dikeluarkan kepada seorang peguambela dan peguamcara atau salinannya yang benar hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi sebelum sijil amalan baru boleh dikeluarkan kepadanya. Seseorang peguambela dan peguamcara yang diguna khidmat cara berkeuntungan oleh seseorang atau badan atas sifat lain daripada seorang peguambela dan peguamcara adalah juga dilarang memohon sijil amalan. Ini adalah satu peruntukan baru. Seseorang pegawai yang berkhidmat adalah perkhidmatan kehakiman dan undang-undang adalah dikecualikan daripada kuasa Fasal 30. Sijil tahunan hanya akan dikeluarkan oleh Majlis Peguam jika seseorang peguambela dan peguamcara itu telah menyerahkan laporan akauntannya berkenaan dengan akaun clientnya dan ia tidak berhutang mengenai apa-apa caruman kepada kumpulan wang pampasan atau mengenai yuran atau levi yang kena dibayar secara sah kepada Majlis Peguam atau Jawatankuasa Bar Negeri.

Fasal 37 melarang seseorang tak berkuasa membuat atau menyediakan sesuatu suratcara (instrument) berhubung dengan apa-apa perbincaraan dalam mana-mana mahkamah. Ia juga melarang seorang tak berkuasa secara langsung atau secara tak langsung membuat atau menyediakan sesuatu dokumen atau suratcara berhubung dengan harta takalih atau berhubung dengan sesuatu langkah perbincaraan di sisi undang-undang atau berhubung dengan sesuatu amanah pemberian probate atau surat pentadbiran penubuhan sesebuah syarikat berhad. Ini adalah bertujuan untuk mencegah penulis petisyen (petition writers) di kaki-kaki lima dan mereka yang lebih bergaya membuat dokumen undang-undang dengan tidak bertanggungjawab di sisi undang-undang bagi sahnya atau tepatnya dokumen-dokumen itu. Seseorang yang melanggar larangan ini boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$500

dan jika tidak membayarnya boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih dari 3 bulan bagi kesalahan kali pertama dan denda tidak lebih daripada \$2,000 dan jika tidak membayarnya boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau keduanya bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudiannya.

Sir, I would like to just give a brief explanation on this. At this moment in our country, there are a lot of unauthorised persons preparing legal documents for the people in this country. They are not qualified in law and they are very often petition writers on the five-foot ways. They collect very small fees and they write legal letters, they write statement of claim in a case, they write defence, they prepare petition for probate or petition for administration and all kinds of legal documents, agreements and so on. If anything should go wrong, they are not really responsible because they are not qualified, they do not belong to any profession and so they get away with it. A lot of members of the public because of the small fee involved, maybe \$2, \$3 or \$5, they just go to them and they are carried away but later on they get into difficulties when they find there are loopholes in the various legal documents and after that they become wise and they go to the lawyers. However, sometimes it is too late to rectify things. There are not merely petition writers, but also others who are really petition writers but more respectable in their appearance, perhaps they run a bigger office and they also prepare a lot of legal documents in this country without being responsible to the law or to any profession. It is in the interest of the public that it should be protected—they really do not take away the business of qualified lawyers because when it comes to engaging a qualified lawyer, it has to be done—but more from the point of view of the public interest, unqualified people should not be allowed to prepare legal documents, as in the case of doctors for instance, where there are unqualified medical men that the law tries to control as far as possible. So this provision, Clause 37, prevents any unauthorised person from drawing or preparing any instrument relating to any proceedings in any Court. It also prevents any unauthorised person directly or indirectly from drawing or preparing any document or instrument relating to immovable property or

to any legal proceedings or trust, grant, or probate or letters of administration or incorporation or formation of a limited company. This is aimed to prevent petition writers at the five-foot ways and others in more respectable guise from drawing legal documents without being legally responsible for authenticity or accuracy. There is a fine not exceeding \$500 and then on the second and subsequent offences the fine is increased up to \$2,000, failing which imprisonment of three months.

Bagian V adalah mengenai penubuhan Bar Malaysia Majlis Peguam, pemilihan Ahli-ahli Majlis Peguam, perjalanan Majlis Peguam, Mesyuarat Agung Bar Malaysia dan Jawatankuasa Bar Negeri.

Fasal 43 memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang Peguambela dan Peguamcara adalah tanpa dipilih dimasukkan atau dilantik menjadi Ahli Bar Malaysia dan berterusan menjadi selama dia mempunyai sijil amalan yang sah. Syarat yang utama ialah ia mestilah mempunyai sijil amalan yang sah untuk menjadi Ahli Bar Malaysia, jika tidak ada tidaklah boleh.

Fasal 73 hingga 92 adalah mengenai amalan kesopanan, kelakuan dan disiplin professional Peguambela dan Peguamcara dan Kerani.

Fasal 78 membolehkan Majlis Peguam membuat kaedah-kaedah atau rules berhubung dengan akaun-akaun client.

Fasal 79 menghendaki tiap-tiap orang Peguambela dan Peguamcara melainkan jika dikecualikan oleh Majlis Peguam supaya menyerahkan kepada Setiausaha Majlis Peguam bersama dengan permohonannya untuk sijil tahunan suatu laporan Akauntan yang telah ditandatangani berhubung dengan akaun clientnya bagi tempoh yang dinyatakan dalam laporan itu. Laporan itu hendaklah diserahkan tidak lebih daripada 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih singkat yang ditetapkan oleh Majlis Peguam selepas tamat tempoh perakaunan itu. Akauntan itu hendaklah menyatakan bahawa setelah diperiksanya buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen dia berpuas hati, Peguambela dan Peguamcara itu atau firmanya telah mematuhi kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Fasal 78. Jika Akauntan itu tidak

puas hati dengan akaun-akaun itu mestilah ia menyatakan demikian dalam laporannya. Akauntan itu hendaklah seorang Jurodit syarikat sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta Syarikat, 1965.

This is, in a way, another new provision in relation to the clients' accounts of lawyers. Clause 79 requires every advocate and solicitor, unless exempted by the Bar Council, to deliver to the Secretary of the Bar Council with his application for a Sijil Annual, a signed accountant's report relating to his clients' account from the period specified in the report. The report should be delivered not more than twelve months, or within a shorter period as the Bar Council may prescribe, after the end of the accounting period.

The report should state that the accountant is satisfied, from his examination of the books, accounts and documents, that the advocate and solicitor or his firm has complied with the rules made under Clause 78. If he is not satisfied, he must say so and he should be a company accountant. This is to protect the clients' accounts from being misused by anybody, i.e. either by an advocate and solicitor or by any member of his staff and so on. Every year he is now required to have an audited statement of account of each of his clients' accounts and present it to the Bar Council and get a certificate; only then will he be allowed to practise the next year. By this way, the members of the public can be assured that whatever money they have in trust with lawyers will be carefully protected by law hereafter. Up till now, there is no such law and there have been a few unfortunate cases, but they are few in number. This provision is to protect the clients' accounts in the Trust Accounts of lawyers.

Fasal 80 menghendaki Bar Malaysia menyelenggara dan mentadbirkan suatu kumpulanwang yang dinamakan "Kumpulanwang Pampasan". Apabila memohon Sijil Tahunan kepada Bar Malaysia, seseorang Peguambela dan Peguamcara adalah dikehendaki membayar kepada Kumpulanwang Pampasan itu wang sebanyak yang ditentukan oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa. Bar Malaysia boleh melaburkan sebahagian Kumpulanwang ini yang tidak hendak digunakan dengan serta-merta dan

boleh mengambil insuran bagi kumpulanwang itu dengan mana-mana perniagaan insuran. Di antara kegunaan-kegunaannya yang lain Kumpulanwang Pampasan itu boleh digunakan oleh Majlis Peguam jika difikirkannya patut dan menasabah untuk membuat pemberian kepada seorang yang telah menanggung kerugian disebabkan oleh kecurangan atau salahguna Peguambela dan Peguamcaranya atau Kerani atau Penjawat Peguambela dan Peguamcara itu dalam amalannya atau atas sifatnya sebagai Pemegang Amanah. Pemberian itu boleh juga dibuat jika Peguambela dan Peguamcara itu telah mati atau telah dipotong namanya daripada Daftar (Advocate's Roll) atau telah berhenti menjalankan amalan atau telah ditangguhkan daripada menjalankan amalan.

Adalah diharap bahawa peruntukan ini boleh berjalan untuk menjaga keselamatan client daripada kerugian yang disebabkan oleh kelakuan curang Peguambela dan Peguamcara seseorang yang mendapat pemberian di bawah peruntukan ini tidak boleh membuat tuntutan terhadap Peguambela dan Peguamcara yang berkenaan.

This, Sir, is also an important provision providing for the establishment of a Compensation Fund. The contribution will be determined by the Bar Council from time to time, and the purpose of the Fund is to protect the good name of the profession and also to relieve any client who has suffered loss because of the dishonest conduct of an advocate and solicitor either in his practice or in his capacity as a trustee. Even in his practice, if a lawyer conducts himself in a dishonest way, as a result of which a client suffers loss or, in the case of a Trust Account, due to the dishonest conduct of a lawyer a client suffers loss, then the Bar Council takes the responsibility through this Compensation Fund to pay the person who has suffered loss. It is at the discretion of the Bar Council: it will pay when it considers it is reasonable and fair and the client cannot as a matter of right demand any fund from this Compensation Fund. But the main purpose of this Fund is to see that a client who has suffered unnecessary loss by the dishonest conduct of a lawyer is given compensation. The Bar Council, of course, would always be expected to react favourably. This is also the case when a solicitor dies or when his name has been struck off the Roll or he has ceased to practise or is suspended from practising. This

is a very useful provision because it means that the Bar Council is now taking a collective responsibility to see that the good name of the profession is maintained by giving compensation to anyone who has suffered loss because of the dishonest conduct of the lawyer.

Fasal 84 adalah peruntukan baru juga dan mustahak. Ia menyatakan bahawa jika seseorang Peguambela dan Peguamcara bertindak bagi seseorang pemaju perumahan dalam suatu jualan harta tanah atau keduanya sekali, baik dia mahupun sesiapa dalam firmannya tidak boleh bertindak dalam jualan itu bagi pembeli harta itu. Suatu perjanjian bertulis yang disediakan oleh Peguambela dan Peguamcara bagi pihak pemaju hendaklah diperiksa oleh seorang Peguambela dan Peguamcara bagi pihak pembeli. Pemaju dan pembeli itu kenalah masing-masing membayar bayaran Peguambela dan Peguamcaranya sendiri.

Peruntukan ini telah dikemukakan untuk mencegah syarat-syarat yang menindas dan yang tidak patut dalam perjanjian perumahan yang dikenakan oleh pemaju perumahan yang biasanya adalah pihak yang berpengaruh dan juga untuk memberi perlindungan yang cukup kepada pembeli-pembeli.

Sir, this is the case of housing developers' agreement. Today there are throughout the country hundreds of housing schemes and people are buying houses all over the country. Where a housing developer sells, he always sells by an agreement and the people who need houses are very anxious to get good houses. So, when they approach developers, normally developers hand over an agreement. The agreement is prepared by the developer's solicitors and the solicitor simply, because he is engaged by the developer, will try to put in provisions which are quite favourable to his client but any good lawyer will also see that the buyer's interest are also put in. In this case the developer's lawyer or the developer himself makes it a condition that the agreement must be signed and it becomes a standard agreement. A buyer of a low-cost housing or an expensive house—we are more concerned about low-cost housing—he merely signs on the dotted line in the presence of the developer's lawyer. He has very little say to amend any provision in the agreement and

if he says that he wants to amend any provisions of the agreement, then the house may not be sold to him. So, the general impression is that these agreements are one-sided in favour more of the vendors or developers and not the buyers and the buyer and the seller in this case are not really equally strong parties. A buyer is in a weak position, the seller is in a dominant position and if the buyer does not buy on the conditions of the vendor, he will not get the house. So, in this situation, he merely signs because it is prepared by the vendor's lawyer. So, in order to protect generally the buyer's interest, this provision has been put in that a developer is given the right to have an agreement prepared through his lawyer but it has to be under the provision of the Bill here scrutinised by the buyer's lawyer. The buyer's lawyer has to look in and scrutinize and once he agrees to it then it can be signed. Each party has to pay its own solicitor's cost. This is a new provision in the light of housing development that is taking place throughout the country to see that some fairness is maintained in land transactions between housing developers and purchasers of houses. But it does not concern others. If a person is not a housing developer then this provision will not apply. Supposing an individual "A" sells to an individual "B" and if individual "A" is not a housing developer, this provision will not apply.

Fasal 88 hingga 92 memberi perlindungan yang lebih besar kepada wang suratikatan, wasiat, dokumen dan lain-lain harta seseorang client yang ada dalam tangan seorang Peguambela dan Peguamcara yang bersalah atau yang dikeluarkan dari daftaran atau digantung daripada menjalankan amalan dengan jalan membolehkan Majlis Peguam mengawal supaya harta-harta itu ditadbir dan dilupuskan dengan sewajarnya.

Bahagian VII adalah mengenai tindakan-tindakan disiplin terhadap Peguambela dan Peguamcara di bawah sebab-sebab yang tertentu. Adalah diperuntukkan sekarang ini bahawa jika seseorang Peguambela dan Peguamcara disabitkan atas satu kesalahan menyalahgunakan wang clientnya, maka hendaklah ia dengan serta-merta digantung daripada menjalankan amalannya oleh Majlis Peguam sehingga sabitan itu dibatalkan apabila ia membuat rayuan, jika ada. Apabila ia digantung sedemikian, Majlis

Peguam akan mengambil langkah untuk mengurus, mentadbir atau melupuskan wang saham akaun kelayakan.

This also, Sir, is an important provision where an advocate and solicitor is charged for an offence connected with misappropriation of his client's fund or any offence that is likely to touch his integrity. Then the position is that as soon as he is convicted he will be automatically instantly suspended. As the law stands now, there is no provision and even if a lawyer is convicted he carries on his practice with a tainted name, even though he might be discharged and acquitted on appeal. But the impression created immediately when a lawyer is convicted even in a lower court is that the lawyer has not been above board and if in these circumstances he is allowed to practice, it does not give a good impression of the profession as a whole. As a result, the profession gets a bad name. So, here it is provided that the moment he is convicted in the lower court he would be suspended. On such suspension the Bar Council would take steps to deal, administer or dispose of the funds in his clients' account.

Fasal 112 hingga 121, Bahagian VIII adalah mengenai Saraan Peguam-peguambela dan Peguam-peguamcara dan Fasal 122 hingga 142 adalah mengenai hal Mendapatkan Dan Menetapkan Kos.

Pada keseluruhannya Rang Undang-undang Profession Undang-undang ini telah digubal dengan cermat dan lengkapnya untuk memastikan mutu kesopanan yang tinggi dalam amalan Undang-undang dan untuk mengadakan perlindungan yang cukup bagi client-clientnya. Majlis Peguam patut dipuji kerana telah melaksanakan satu tugas dengan sempurnanya.

Sir, at this stage I would like to draw the attention of this Honourable House to an amendment that has been brought in the Lower House, that is, the deletion of Clause 30 (1) (c). Clause 30 (1) (c) prohibits a person who has served as a Judge from applying for a practising certificate. In other words, he is prevented from practising after he has been a Judge. This has been deleted from the Bill to enable such a person who has been a Judge to apply for a practising certificate. This has been done because it was

felt that even though this provision was there in the draft submitted by the Bar Council and even though it found its way into the Bill, on further reconsideration, it was felt that it would not be fair to prevent a Judge from practising because:

- (1) the pension that is paid to the Judges is rather small. There are many Judges who are drawing pensions around \$600/\$700 after having served the country well; and
- (2) it is possible that a Judge might retire half-way or resign for his own purpose and if he does that, and if he is barred or prevented from practising simply because he has been a Judge, his livelihood would be affected. Now, this is not a recognition of service; this is a punishment for having served as a Judge of the country. There are cases of Judges who left after a few years of service and very often they would end up in hardship. Therefore, it was felt that this should be deleted and that they should be allowed to practice. This is an amendment that was passed in the Lower House.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempoikan selama 15 minit.

Persidangan ditempoikan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba mematuhi kepada permohonan ataupun suruhan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua untuk memendekkan masa kerana kita banyak lagi Undang-undang yang hendak dibincangkan. Tetapi oleh kerana ini adalah satu Undang-undang yang saya mempunyai sedikit-sebanyak pengalaman,

saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya bercakap agaknya panjang sedikit. Sebaliknya, saya berjanji saya tidak akan mengambil bahagian langsung semasa perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap). (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, dalam setahun dua yang terkebelakang ini, Dewan yang mulia ini telah meluluskan beberapa undang-undang berkaitan dengan orang-orang ikhtisas ataupun orang-orang professional. Kita telah meluluskan undang-undang berkaitan dengan jurutera ataupun engineer, berkenaan dengan jurukur, doktor dan beberapa lagi. Sekarang ini kita sedang hendak meluluskan satu lagi undang-undang berkaitan dengan satu lagi jenis ikhtisas iaitu peguam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka waktu lima atau enam tahun yang lepas satu tandatanya yang besar telah berkisar di khalayak orang ramai melibatkan orang-orang professional ini. Tandatanya ialah setakat manakah tugas-tugas yang dijalankan oleh orang-orang ikhtisas ataupun orang-orang professional ini betul-betul professional. Inilah soalan yang berkisar di kepala ramai orang-orang yang di luar Dewan ini; ataupun kalau boleh saya gunakan bahasa Inggerisnya, masalahnya ialah how professional are the professionals?

Izinkan saya sebentar, Tuan Yang di-Pertua, mengambil masa untuk mengkaji kedudukan yang tidak menyenangkan ini, baikpun golongan ikhtisas itu seorang doktor, engineer, akitek, guru, wartawan, banker, akauntan mahupun seorang peguam. Tidak boleh dinafikan bahawa dalam masa lima atau enam tahun yang lepas ini ada mereka di dalam golongan professional ini yang tidak menjalankan tugas-tugasnya seperti yang boleh kita sangkakan ataupun kita harapkan daripada golongan-golongan professional ini. Inilah satu-satu perkara yang mendukacitakan kita kerana kita sudah mempunyai harapan yang tinggi, memberi kepercayaan yang penuh kepada golongan professional. Kita sering mendengar cerita-cerita yang mana, umpamanya, doktor yang hanya melayan pesakitnya dengan sekejap mata sahaja dan memberi pesakit itu satu botol yang berisi dengan air bermacam warna, samada kuning, putih ataupun hijau,

tetapi samada ubat ataupun tidak, itu satu masaalah yang lain. Ini teguran yang dikemukakan oleh orang ramai.

Saya tidak mengatakan semua doktor, tidak. Tetapi ada doktor-doktor yang berbuat begitu yang melibatkan professionnya itu. Begitu juga dengan akitek, kita sedar ada akitek-akitek yang tidak tengok langsung pelan-pelan yang dibuat cuma dilepaskan sahaja kepada keraninya (clerk of works) dia hanya tandatangan sahaja, dan tidak pernah langsung melawat ke kawasan bangunan yang mereka ditugas mendirikan. Begitu juga kalau kita ambil satu lagi golongan ikhtisas umpamanya guru, berapa seriuskah guru-guru untuk mendidik anak-anak kita? Adakah mereka bertugas sebagai guru kerana hendak dapat gaji sahaja atau betul-betul kerana dedikasinya hendak mengajar anak-anak murid.

Begitu juga kita telah mendengar baru-baru ini kedudukan banker-banker yang tidak menyenangkan rakyat jelata. Begitu juga wartawan umpamanya, beranikah wartawan-wartawan membuat lapuran yang sebenar-benarnya ataupun adakah mereka takut kepada Kerajaan atau majikan mereka? Jadi, bila kita pandang kepada golongan ikhtisas ini, tidak boleh tidak kita dapati taraf atau mutu professional itu sudah jatuh. Doktor yang kita dahulu anggap untuk menyelamatkan nyawa, sekarang ini tidak lagi boleh ditarafkan ke peringkat itu, kita dengar sekarang doktor pun sanggup mogok, itu tidak pernah kita dengar dahulu, tetapi sekarang kita telah dengar. Peguam juga salah satu golongan ikhtisas dan mereka juga tidak terlepas daripada tuduhan ini. Inilah rasa saya yang menyebabkan Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang berkenaan dengan peguam telah digubalkan pada zaman Malayan Union dahulu iaitu pada tahun 1947 dan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Undang-undang tadi, tugas mengkaji semula Undang-undang Profesion Undang-undang telah diberikan kepada Majlis Peguam, kalau tidak salah saya, seawal-awal tahun 1968 dan Majlis Peguam sendiri telah mengambil masa hampir 6 tahun untuk menyediakan draft Rang Undang-undang ini. Saya tidak tahulah apa sebab sebenarnya, barangkali Majlis Peguam

sebok dengan tugas-tugas peribadinya, maka mereka lupa akan tanggungjawab mereka terhadap orang ramai. Walau bagaimanapun, saya sama-sama bersyukur kerana sekarang ini Rang Undang-undang baru ada dibentang untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Satu daripada peruntukan yang besar yang dibubuhkan di dalam Rang Undang-undang baru ini ialah berkenaan dengan Fasal 77 (1) iaitu berkenaan dengan membuat kaedah-kaedah bagi mengawal amalan kesopanan, kelakuan, tata tertib professional peguam. Ini saya berharap akan menjaga nama baik dan mutu profesional undang-undang ini. Kerana jikalau tidak ada peruntukan sedemikian maka peguam-peguam boleh membuat kerja sambil lewa sahaja dengan tidak menghirau kepentingan kelayan-kelayan mereka atau kepentingan orang ramai. Tetapi dengan adanya peruntukan di bawah Fasal 77 tadi saya percaya kedudukan orang ramai yang menggunakan khidmat-khidmat peguam bolehlah dijamin.

Saya mahu sentuh sebelum saya pergi ke fasal-fasal lain sebab-sebabnya kenapa mutu profesional yang saya sebut awal tadi agak turun. Bukannya sahaja dari segi peguam-peguam tetapi juga kepada profesional-profesional yang lain. Ini mungkin disebabkan oleh kerana pesatnya berlaku perkembangan di negara kita di dalam masa 5-6 tahun yang lepas. Kita memerlukan banyak bukan sahaja peguam-peguam tetapi kita memerlukan banyak golongan profesional yang lain seperti doktor, engineer, arkitek, jurukira dan sebagainya. Mereka ini oleh kerana banyak kerja mereka hendak buat kerja itu dengan cepat sahaja supaya banyak dapat wang agaknya. Jadi, bila buat semacam itu maka sudah tentu kerja itu tidaklah dihalusi tetapi kerja-kerja itu boleh jadi diserahkan kepada penolong-penolongnya, kadang-kadang kepada orang yang tidak mempunyai kelulusan langsung. Ini mungkin sebab-sebabnya. Jadi bila kita pandang kepada segi profesion undang-undang seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Undang-undang semasa mengemukakan tadi angka peguam-peguam telah meningkat daripada 302 orang pada tahun 1947 sehingga 486 orang pada tahun 1957, tidaklah begitu besar. Tetapi kalau kita tengok 10 tahun selepas merdeka angka itu telah naik pada 962 orang; daripada 1967 sehingga 1975 angka itu telah naik menjadi 1,706 orang. Itu menunjukkan sudah ramai yang menjadi atau

diiktiraf sebagai pengamal undang-undang tetapi sungguhpun ramai kerja-kerja makin bertambah banyak.

Kita tahu banyak juga mereka yang telah mempunyai kelulusan undang-undang yang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara. Separuhnya berkhidmat kerana mereka terikat iaitu terpaksa bekerja dengan Kerajaan kerana ada contract yang mereka tandatangani sebelumnya. Tetapi kalau kita tengok selepas sahaja habis contract mereka pun berhenti kerja daripada Jabatan Peguam Negara dan bekerja sendiri atau bekerja dengan swasta. Ini juga menambah angka peguam-peguam yang berkhidmat di luar Kerajaan. Ini tidak menguntungkan Kerajaan kerana banyak tugas-tugas yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan yang memerlukan perkhidmatan peguam-peguam di Jabatan Kerajaan, tetapi Kerajaan tidak mempunyai orang-orang itu. Kalau Kerajaan mempunyai pun mungkin orang-orang baru, orang-orang yang tidak mempunyai pengalaman yang lama atau yang panjang di dalam tugas-tugas mereka dan ini satu perkara yang patut kita kaji bersama kerana ini juga merugikan Kerajaan.

Setahu saya setakat ini jarang-jarang sangat Kerajaan menggunakan khidmat peguam di luar Kerajaan. Sebab-sebab yang selalu diberi ialah kerana orang-orang di luar ini umpamanya tidak terikat kepada Akta Rahsia Rasmi, tetapi kalau mereka itu dalam Kerajaan mereka terpaksa patuh kepada Peraturan-peraturan dan undang-undang menjaga rahsia. Saya rasa perkara semacam itu tidak patut berlaku. Kalau sekalipun tugas-tugas Kerajaan itu diberi kepada peguam-peguam di luar, mereka sendiri terikat kepada Akta Rahsia Rasmi.

Kita mempunyai banyak peguam-peguam yang di luar Kerajaan yang mempunyai pengalaman yang luas, ada yang sampai 10-20 tahun, ada yang lebih daripada 20 tahun yang mengetahui sepenuh-penuhnya selok-belok berkenaan dengan satu-satu perkara itu dan saya rasa tidak patutlah kalau tugas-tugas ataupun kepandaian mereka itu tidak boleh digunakan oleh pihak Kerajaan. Umpamanya, kalau kita ambil di England sebagai contoh, Kerajaan di sana boleh meminta seorang peguam sendiri iaitu bukan peguam Kerajaan, mendakwa bagi pihak Kerajaan dalam kes-kes yang besar seperti

kes-kes bunuh, tidak semestinya semua kes-kes itu dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya Kerajaan, tidak perlu. Apa yang dikehendaki ialah kes-kes yang didakwa itu dijalankan dengan sebaik-baiknya oleh orang yang sepandai-pandainya, samada orang itu di dalam Kerajaan atau di luar Kerajaan; itu tidak menjadi masalah, kerana orang yang diminta mendakwakan itu ialah orang-orang yang berkebolehan, yang mahir dan tidak akan berat sebelah kerana itu tugasnya, seperti juga kalau orang luar mengambil peguam itu sebagai peguamnya. Jadi tugas seorang peguam itu serupa juga samada anak guamnya atau clientnya Kerajaan ataupun orang biasa. Jadi, inilah praktik yang berlaku di negara kita setakat ini, jikalau satu-satu kes ialah Kerajaan maka peguam biasa tidak perlu digunakan. Ada kes-kes yang dikesualikan saya tahu, tetapi boleh dianggap kes-kes yang dikesualikan itu iaitu menggunakan peguam luar sangatlah kecil.

Kita tahu kelemahan yang berlaku di Jabatan Peguam Negara kerana kalau kita tengok daripada anggota-anggotanya kita nampak bahawa mereka itu sudah tentu penuh dengan bebanan kerja yang sedang dijalankan. Boleh dikatakan kerja untuk 10 orang dibuat oleh seorang. Ini memang teruk.

Kita ambil sahaja Penasihat Undang-undang Negeri. Dia terpaksa menjaga serba-serbi berkenaan dengan hak negeri itu. Bukannya sedikit! Tanggungjawabnya besar. Dan di sini bila kita pandangan kepada pegawai-pegawai itu kita tidak mahu kekal-kan mereka seumur hidup sebagai Penasihat Undang-undang Negeri, kita terpaksa membaiki lagi kedudukannya, kita melantik dia umpamanya sebagai Penggubal Undang-undang satu tingkat lagi ke atas dan akhirnya sebagai Hakim. Jadi orang yang hendak menggantinya itu siapa? Kalau kita pandang betul-betul terhadap statistics, kita dapati boleh jadi barangkali mereka berfikir lebih lumayan jikalau mereka bekerja di luar daripada Kerajaan. Itu barangkali satu dorongan yang menyebabkan banyak pegawai-pegawai undang-undang kita berpindah kepada pihak swasta. Tetapi ini satu masalah yang dihadapi oleh negara dan kita patutlah memikirkan bersama-sama bagaimana hendak mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan di sini, saya dapati banyak perkara-perkara

yang saya hendak sentuh, tetapi saya tidak akan sentuh di peringkat ini tetapi saya akan sentuh di peringkat Jawatankuasa nanti kerana itu adalah perkara-perkara yang specific yang mana saya akan meminta penjelasan daripada Timbalan Menteri Undang-undang.

Perkara awal yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan pemakaian undang-undang baru ini. Di bawah Fasal 2 nampaknya Rang Undang-undang ini hendak diluaskan pemakaiannya ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini dengan ubahsuaian yang akan diperuntukan dan juga mengikut perintah yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya suka bertanya di sini samada perkara seperti ini telah dibincangkan terlebih dahulu dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Kalau tidak salah saya mengikut Perkara 161 (b) Perlembagaan Malaysia, undang-undang seperti ini iaitu berkenaan dengan luasan bidang kuasa dari segi profession undang-undang ini sudah tentu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak kerana mereka, setakat ini yang saya tahu tidak bersetuju yang peguam di negeri-negeri Malaysia Barat dibenarkan menjalankan practice di Sabah dan Sarawak, dan kalau tidak salah saya terpaksalah satu Enakmen baru diluluskan terlebih dahulu di kedua-dua Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak. Jadi setakat mana bidang kuasa ini boleh diperluaskan, saya minta sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri Undang-undang, samada Enakmen terlebih dahulu mesti diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sabah atau Sarawak sebelum boleh diluaskan undang-undang ini kedua-dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar yang Rang Undang-undang ini sebahagian besarnya digubalkan oleh Majlis Peguam yang ada sekarang ini seperti yang saya kata tadi telah mengambil masa beberapa tahun. Walau bagaimanapun penyemakan akhir adalah dibuat oleh Jabatan Peguam Negara. Bukan sahaja dari segi bahasanya tetapi juga dari segi dasarnya. Di sini saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Undang-undang kenapakah di dalam Rang Undang-undang ini banyak peruntukan memberi kuasa kepada Majlis Peguam membuat kaedah-kaedah (rules or regulations): yang saya tidak

berapa faham, separuh daripada kaedah-kaedah itu mesti diwartakan dan separuhnya tidak perlu diwartakan. Saya tidak tahu mengapa dibezakan. Pada saya kalau apa juga kaedah-kaedah (rules or regulations) yang hendak dibuat mestilah diwartakan supaya semua orang tahu, tidaklah boleh orang mengatakan dia tidak tahu kerana perkara itu telah diwartakan. Tetapi mengikut Rang Undang-undang yang ada sekarang ini, saya nampak umpamanya di bawah Seksyen 77 (2), Seksyen 78 (4), Seksyen 79 (7) perkara-perkara itu perlu digazettekan sebelum kaedah-kaedah itu boleh berjalan kuatkuasanya. Sebaliknya di bawah Seksyen 6 (1), 6 (2), 6 (3), Seksyen 32, Seksyen 80, Seksyen 12 tidak perlu diwartakan. Kenapa dibeza-bezakan. Pada saya baiklah kita wartakan semua supaya semua orang tahu. Jangan besok ada pula pelanggan atau kelayan-kelayan yang tidak tahu kerana mereka tidak membaca *gazette*.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya hendak menyentuh berkenaan dengan kelayakan bagi orang yang layak menjadi peguam. Di sini mengikut Fasal 3—Takrif orang-orang berkelayakan ertinya:

- (a) seorang yang telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah Sarjana Muda undang-undang Universiti Malaya atau Universiti Singapura;
- (b) seorang barrister-at-law England; atau
- (c) seseorang yang mempunyai apa-apa kelayakan lain sebagaimana yang diisytiharkan oleh Majlis Peguam melalui pemberitahu dalam *Warta* atas nasihat Lembaga sebagai cukup untuk memberi kelayakan kepada seseorang bagi maksud-maksud Akta ini.

Maka sudah jelas daripada takrif ini bahawa mereka yang lulus dalam bidang hukum daripada Universiti di Australia atau di New Zealand tidak secara otomatis boleh dianggap orang yang layak, sebaliknya kita telah menetapkan dengan jelas bahawa sarjana-sarjana ataupun mereka yang mempunyai ijazah undang-undang daripada Universiti Malaya dan Universiti Singapura maka mereka bolehlah dianggapkan sebagai orang yang layak.

Saya harap di bawah Perenggan (c) ini Majlis Peguam atas nasihat Lembaga iaitu Lembaga Kelayakan di bawah Bahagian II akan mengkaji sedalam-dalamnya kedudukan mereka yang berkelulusan daripada

Australia, New Zealand dan daripada universiti yang lain yang mungkin sama taraf pengajiannya. Janganlah setakat menerima hanya peguam-peguam ataupun mereka yang berkelulusan Barrister ataupun kelulusan ijazah daripada Universiti Malaya dan Singapura sahaja! Banyak lagi kelulusan universiti lain yang ada kaitannya. Tidak beberapa hari dahulu sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah menggesa Kerajaan supaya mengambil pakar-pakar ugama Islam ditempatkan di Jabatan Peguam Negara. Jadi kalau mereka layak duduk berkhidmat dengan Kerajaan, kalau mereka telah bekerja 7 tahun ke atas umpamanya 10 tahun, tak layakkah mereka menjadi peguam? Saya harap perkara ini akan ditimbang kerana ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang mengatakan sekiranya seseorang itu telah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, bahkan bukan sahaja di Jabatan Peguam Negara, di bawah Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama lebih daripada 7 tahun, jika ia mendapat sokongan daripada Peguam Negara, maka bolehlah ia diterima sebagai seorang Peguam.

Masalahnya kalau ia seorang yang mempunyai kelulusan dari Universiti Azhar dan beliau telah bertugas di Jabatan Peguam Negara ataupun di mahkamah-mahkamah kita lebih daripada 7 tahun dan beliau disokong oleh Peguam Negara untuk diterima sebagai seorang peguam, nampaknya di bawah peruntukan ini ada bercanggah sedikit. Jadi oleh itu saya mintalah kepada Timbalan Menteri Undang-undang untuk menjelaskan kedudukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang besar yang ada perubahan di antara undang-undang yang ada sekarang ini iaitu Ordinan 1947 dan Rang Undang-undang baru ini ialah berkenaan dengan kelayakan masuk di Fasal 11, iaitu kelayakan untuk diterima masuk sebagai seorang peguam. Setakat ini seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun tidak boleh diterima menjadi peguam. Tetapi nampaknya sekarang kita hendak membuat peruntukan yang mana seseorang yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan mempunyai syarat kelayakan yang lain bolehlah diterima menjadi peguam. Dengan ertikata yang lain umur 21 dahulu sekarang ini kita turunkan kepada 18 tahun. Saya tak tahulah

profesion yang lain, dalam profesion kedoktoran barangkali tak ada doktor yang kurang daripada 18 tahun umurnya, kerana pengajiannya sahaja mengambil masa sekurang-kurangnya 6 tahun. Jadi, agak saya seawal-awalnya seseorang itu boleh menjadi doktor ialah di antara 21 atau 22 tahun, mungkin lebih. Tetapi dari segi peguam, nampaknya mereka yang berumur 18 tahun sekarang ini boleh diterima menjadi peguam. Masalahnya begini, Tuan Yang di-Pertua, samada dia berumur 18 tahun ataupun berumur 30 tahun atau berumur 50 tahun atau berumur 60 tahun di sisi Undang-undang tarafnya sama, dia seorang peguam. Daripada orang ramai pun begitu juga, dia seorang yang berkelulusan, seorang yang layak menjadi peguam. Rasa saya orang ramai kalau hendak menggunakan peguam itu terpulang kepada mereka, kadang-kadang mereka memilih orang yang agaknya pada pendapat mereka orang yang mempunyai pengalaman yang luas sedikit. Boleh jadi ada yang akan memilih sesiapa sahaja asalkan dia peguam, boleh jadi umurnya baru sahaja 19 atau 20 tahun. Kita terpaksa juga menjaga kepentingan orang ramai, kalau seseorang itu baru sahaja lulus dan baru sahaja mempraktikkan ataupun mengamalkan profession itu, sudah tentu ada bezanya dengan seorang yang telah menjalankan praktiknya atau telah mengamalkan undang-undang lebih daripada 10 tahun, tentu ada bezanya.

Di sini saya tak tahu samada sengaja dibuat, kalau kita lihat di bawah peruntukan yang disediakan di sini nampaknya di bawah Fasal 35 (1) ada di sebut:

“35. (1) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, seseorang peguambela dan peguamcara adalah mempunyai hak eksklusif untuk hadir dan bercakap bagi pihak kelayan mereka dalam semua Mahkamah Keadilan di Malaysia mengikut undang-undang yang berkuatkuasa dalam Mahkamah-mahkamah itu; dan di antara mereka sendiri mereka adalah mempunyai hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan yang sama tanpa perbezaan.”

Ini ada perkataan yang hendak saya tekankan di sini: “dan di antara mereka sendiri mereka adalah mempunyai hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan yang sama tanpa perbezaan”. Iaitu apa yang dimaksudkan di sini ialah samada dia berumur 18

tahun satu bulan, ataupun berumur 50 tahun, dari segi taraf tak ada bezanya. Saya rasa perkara ini patut dikaji semula kerana kalau kita ambil contoh di negara lain, di England umpamanya, perbezaan memang ada dibuat, perbezaan dengan seorang peguam biasa dan seorang lagi yang dianggap sudah mahir sedikit, dan mempunyai pengalaman yang agak luas. Bagi mereka yang mempunyai pengalaman yang luas, dan sudah lama mengamalkan undang-undang, mereka boleh, umpamanya, di England memohon menjadi seorang “Queen’s Counsel”. Ini menunjukkan taraf mereka. Saya rasa di negara kita pun sudah sampai ke peringkat itu, kita mempunyai banyak juga peguam yang mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun yang mahir dalam undang-undang. Jadi saya rasa tak ada sebab peruntukan tak boleh di buat yang mana kita ada satu taraf lain bagi golongan yang mempunyai pengalaman lebih daripada atau sekurang-kurangnya 10 tahun; mereka boleh juga kita beri gelaran sebagai Peguam Di Raja umpamanya. Ini sudah tentu boleh membezakan seorang peguam baru dan peguam yang sudah lama mempraktikkan undang-undang.

Sekarang ini kalau kita sebut sahaja berkenaan dengan Senior Counsel ataupun Queen’s Counsel terbayang dalam kepala kita inilah orang yang penuh pengalaman yang bijak di dalam pengetahuan undang-undang dan mereka ini selalu kita mengambil untuk menjadi peguam yang utama di dalam kes-kes yang berat. Kita membuat peruntukan di sini di bawah Fasal 38 yang mana kita boleh menerima Queen’s Counsel daripada England atau daripada Australia, kalau tidak salah saya di Ceylon pun ada Queen’s Counsel untuk menjalankan perbicaraan dalam kes-kes yang besar-besar yang kita anggap tidak ada peguam-peguam di negara kita ini yang layak, yang boleh menjalankan kes-kes seumpama itu. Selama manakah kita hendak berpegang kepada Queen’s Counsel ini? Kita sendiri patut memberi perangsang kepada peguam-peguam yang ada di negara kita ini. Boleh jadi kalau kita ada satu golongan sebagaimana saya sebutkan tadi, umpamanya Peguam Di Raja di negara kita ini, mungkin pada satu ketika Peguam Di Raja kita ini boleh digunakan oleh clients atau pelanggan-pelanggan di England umpamanya. Janganlah kita adakan one way traffic sahaja. Saya rasa kita patut oleh kerana undang-undang yang kita amalkan di

sini agak hampir sama dengan undang-undang yang ada di England sana tidak ada sebabnya pada satu masa yang akan datang peguam-peguam kita tidak boleh diterima atau diambil untuk menjalankan kes-kes yang besar-besar hendak dibicarakan di England umpamanya. Saya harap apa yang saya syorkan ini mendapat pandangan Kerajaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan mereka yang baru diterima sebagai peguam. Mengikut Fasal 13 (4) seperti saya sebutkan tadi, seseorang yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kehakiman dan undang-undang selama 7 tahun bolehlah beliau diterima sebagai peguam jikalau ada sokongannya ataupun menerima satu sijil daripada Peguam Negara; tetapi bagi mereka yang di luar, mereka ini diperlukan mengikut undang-undang yang ada sekarang ini ataupun mengikut undang-undang yang hendak kita luluskan ini mestilah menjadi seorang pelatih ataupun pupil dan pengajarnya ataupun masternya mestilah seseorang yang telah mengamalkan undang-undang sekurang-kurangnya 7 tahun. Ini cuma hendak melayakkan mereka yang baru supaya mengerti apakah undang-undang yang biasa diamalkan di negara kita, kerana kita tahu selepas sahaja seseorang itu lulus mendapat sarjannya, itu tidak semestinya dia mengetahui semua undang-undang yang ada di negara kita. Dengan peruntukan berlatih dengan seorang peguam yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sudah tentu seseorang pelatih itu akan mendapat banyak nasihat dan pertolongan semasa hendak mengamalkan dirinya sebagai seorang Pengamal Undang-undang. Perkara ini sudah berjalan setakat ini sungguhpun masa saya nampak mengikut undang-undang baru ini telah dilanjutkan. Dahulu masanya setahun ataupun 6 bulan jikalau seseorang itu mendapat satu sijil yang lebih sedikit ataupun digelarkan post final certificate. Amalannya atau praktiknya masa berlatih hanyalah 6 bulan tetapi nampaknya sekarang masa itu telah dipanjangkan dan rasa saya ini ada baiknya, kerana saya tahu sebab saya telah lama juga menjadi pengajar ataupun master, saya pun tidak ingat berapa ramai pelatih-pelatih yang telah saya ambil, saya dapati masa 6 bulan itu tidaklah mencukupi kerana undang-undang yang hendak kita fahami itu memang luas, memang banyak dan dalam

tempoh 6 bulan tidak mungkin kita boleh mengerti atau mengetahui kesemuanya undang-undang yang perlu. Saya bersetuju dengan peruntukan baru yang ada ini iaitu masa pelatih itu dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh berkenaan dengan Fasal 30, satu fasal yang agaknya besar yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang tadi telah menyentuh iaitu Kerajaan sekarang telah bertukar fikiran membenarkan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Persekutuan balik bekerja sebagai seorang peguam. Ini pada hemat saya satu soalan dasar. Pada kebiasaannya seseorang yang mengamalkan undang-undang kebanyakan mereka itu berharap pada satu masa dia akan dilantik menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi, itu boleh dikatakan tangga yang hendak dicapai. Kalau kita tengok practise yang berjalan umpamanya di England, seseorang Hakim Mahkamah Tinggi dilantik ke tempat yang tinggi itu selepas dia mempunyai pengalaman sebagai Pengamal Undang-undang berpuluh-puluh tahun ataupun bekerja dengan Kerajaan begitu lama masanya barulah dia dilantik menjadi seorang Hakim dan selepas dia menjadi Hakim, dia tidak berniat hendak turun ke bawah balik menjadi Pengamal Undang-undang yang biasa. Bagi kita pula sekarang (boleh jadi ini cara kita) kita membenarkan pula seorang Hakim yang sudah sampai ke satu peringkat yang tinggi turun pula ke bawah menjadi Pengamal Undang-undang biasa. Boleh jadi semasa dia menjadi Pengawal Undang-undang biasa dia terpaksa menyebut kes-kes yang dia bicarakan dahulu yang telah menjadi precedent. Sungguhpun mungkin ada terlibat beberapa orang Hakim-hakim kita, saya rasa perkara semacam ini patutlah tidak kita amalkan, iaitu bila seseorang itu sudah mencapai ke peringkat yang tinggi yang telah menjadi Hakim tidak usahlah dia dibenarkan practise kerana menjaga martabat kehakiman kita, tidak usahlah kita benarkan dia turun ke bawah. Saya memang bersimpati dari segi pencen, dari segi saraan mereka. Jikalau itu menjadi masalah, rasa saya biar kita pinda Undang-undang Pencen supaya membolehkan Hakim-hakim kita mendapat pencen yang mencukupi tetapi tidak usah kita lari daripada dasar. Saya harap pihak Kerajaan menimbang semula peruntukan ini kerana sebagai Timbalan

Menteri Undang-undang telah menyatakan awal-awal tadi, mula-mulanya peruntukan itu tidak ada dalam Rang Undang-undang ini, tetapi Kerajaan telah berfikir lagi sekali dan telah membuat pindaan di dalam peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat. Jadi sekarang saya minta supaya Kerajaan mengkaji semula supaya mengekalkan apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang asal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan lagi yang ada di dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan hak eksklusif yang diberi kepada peguam-peguam iaitu di bawah Fasal 35. Timbalan Menteri Undang-undang telah menjelaskan dengan panjang lebar tadi betapa baiknya kalau orang-orang yang tidak layak tidak dibenarkan membuat surat-surat umpamanya yang berkaitan dengan undang-undang kerana ini boleh mengelirukan orang ramai. Orang ramai selalunya oleh kerana hendak menyimpan duit sedikit, tidak mahu membayar duit yang lebih banyak kepada peguam, dan cari jalan yang mudah pergi kepada petition writer, kepada orang yang nampaknya sahaja pandai menulis atau menaip, tetapi tidak tahu sebenarnya membuat suratcara yang penting itu. Rasa saya ini satu cara yang baik yang kita menghadkan orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan membuat suratcara yang penting itu, umpamanya seperti satu wasiat, kerana wasiat itu telah menjadi satu technical document kalau kita tidak pandai buat esok apa yang kita maksudkan itu didapati oleh orang lain. Jadi eloklah perkara semacam itu dibuat oleh seorang yang mengerti sebenar-benarnya kedudukan Undang-undang dan boleh menasihatkan client atau orang ramai atas kedudukan undang-undang yang sebenarnya.

Kalau kita tengok di bawah Fasal 35 yang mana saya telah bacakan tadi, kuasa eksklusif ini diberi kepada peguam-peguam, tetapi bukanlah kesemuanya hendak diserahkan kepada peguam-peguam, nampaknya tidak, kerana ada pengecualian yang dibuat. Pengecualian yang dibuat ialah di bawah Fasal 35(2) iaitu diberikan kepada Pemegang Amanah Raya, Pegawai Pemegang Harta umpamanya yang boleh menjalankan tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh peguam-peguam. Ini satu perkara yang baik kerana rasa saya tentulah ada perkara-perkara yang boleh dijalankan terus

oleh pegawai-pegawai Kerajaan, umpamanya Pegawai Pemegang Amanah Raya dan tidak perlulah perkara itu diserahkan kepada peguam-peguam untuk membuatnya. Tetapi kalau kita tengok peruntukan di bawah Fasal 35 (1) sungguhpun ada digunakan perkataan "hak eksklusif" tetapi rasa saya itu tidak bermakna penuh eksklusif kerana ada masanya yang mana peguam-peguam tidak boleh menghadiri, umpamanya di bawah Industrial Relations Act iaitu di Mahkamah Perusahaan, kuasa tidak diberi secara automatik kepada peguam-peguam untuk berdepan di mahkamah itu; kuasa hanya diberi jikalau mendapat kebenaran daripada Yang di-Pertua Mahkamah Perusahaan (President of the Industrial Court). Itu bukannya hak eksklusif, ada masanya hak peguam itu diketepikan.

Begitu juga kalau Tuan Yang di-Pertua ingat di bawah peruntukan Rang Undang-undang yang baru sahaja kita luluskan berhubung dengan Rang Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi orang bukan Islam, begitu juga kalau kita tengok di bawah peruntukan Badan Pendamai, di situ pihak peguam tidak boleh dibawa kepada pendamai itu. Jadi itu bukannya kuasa eksklusif yang diberi kepada peguam. Jangan pula ada orang salah sangka semuanya perkara tidak boleh dibuat melain digunakan peguam; rasa saya itu tidak betul, kerana kalaulah perkara kita sendiri takkan kita tidak boleh buat. Kita berkuasa membuat wasiat sendiri kalau kita tidak mahu menggunakan peguam, itu kuasa memang ada di dalam peruntukan Rang Undang-undang ini dan rasa saya patut kita kekalkan.

Satu lagi perkara yang agaknya penting saya sebutkan di sini ialah berkenaan dengan Fasal 42 berhubung dengan Bar Malaysia. Saya tidak berapa suka dengan perkataan Bar Malaysia ini kerana bunyinya tidak berapa sedap. Barangkali orang salah sangka apa Bar Malaysia, tetapi barangkali tidak ada terjemahan yang lain, terpaksa juga digunakan perkataan "Bar Malaysia" dan dalam bahasa Inggerisnya "Malaysian Bar". Boleh jadi ada orang salah sangka ini tempat orang minum. Saya hendak sentuh juga berkenaan dengan tujuan Bar Malaysia ini. Ini ada beberapa perkara yang penting yang diberi kepada Bar Malaysia yang saya hendak sebutkan.

Tujuan utamanya ialah :

“42.(1) (a) untuk mempertahankan keadilan tanpa mengira kepentingan-kepentingannya sendiri atau kepentingan-kepentingan ahli-ahlinya, tidak terpengaruh oleh perasaan takut atau kasihan;”

atau dalam bahasa Inggerisnya :

(a) to uphold the cause of justice without regard to its own interests or that of its members, uninfluenced by fear or favour;”

Ini sudah menjadi satu pengamalan seorang peguam sudah beberapa lama. Jadi kalau seorang peguam itu takut, kalau seseorang itu terpengaruh, sudah tentu dia tidak boleh menjalankan kes-kes bagi pelanggannya ataupun kelayannya dengan sepenuhnya. Ini sangat-sangat mustahak. Itulah sebabnya bila seorang peguam berhujjah di Mahkamah dia tidak perlu takut, kalau dia takut dia tidak layak menjadi peguam. Kalau perkara itu salah atau perkara itu patut dibetulkan, patut ditunjukkan, dia mesti berbuat demikian. Inilah keistimewaan, rasa saya yang diberi kepada peguam-peguam.

Satu lagi perkara di bawah tujuan yang saya hendak sebutkan di sini, ialah berkenaan dengan perkara V iaitu Fasal 42.(1) (d) yang sangat penting dan berbunyi :

“42.(1) (d) untuk menasihatkan Kerajaan dan Mahkamah-mahkamah jika perlu dalam perkara-perkara mengenai undang-undang dan pentadbiran dan amalan undang-undang di Malaysia.”

atau dalam bahasa Inggerisnya :

“42.(1) (d) to advise the Government and the Courts where necessary in matters affecting legislation and the administration and practice of the law in Malaysia;”

Sebenarnya, peruntukan itu bukannya peruntukan baharu; ada juga peruntukan yang seumpamanya di dalam Undang-undang yang ada sekarang ini iaitu Ordinan Tahun 1947. Inilah sebabnya seringkali kita mendengar Majlis Peguam menegur, kenapa undang-undang ini dibuat, kenapa hak orang ramai tidak dijaga. Ini bukannya sahaja sebagai, kata orang, datang daripada jiwanya tetapi juga dimestikan oleh undang-undang. Jikalau ada satu undang-undang yang lapuk yang bertentangan dengan peri kemanusiaan

itu menjadi tugas Peguam menyuarakan kepada Kerajaan dan menasihatkan. Itulah sebabnya sehari dua ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Majlis Peguam menyuarakan ada undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan kita yang bertentangan dengan hak asasi yang telah dijamin dalam Perlembagaan. Saya di dalam Dewan yang mulia ini telah beberapa kali menegur, umpamanya, semasa kita membahaskan *Meminda Courts of Judicature Act, 1964* yang mengatakan cara pembicaraan itu telah berubah. Inilah tugas-tugas yang diberi kepada Peguam, kerana dari segi pengamalan undang-undang, dari segi pentadbiran undang-undang tugas-tugas itu telah diberi kepada seseorang Peguam, atau dengan bahasa baharu dalam Rang Undang-undang ini kepada Bar Malaysia. Jadi, kalau mereka menyuarakan, mereka tidak langsung berniat buruk atau hendak memperkecilkan Kerajaan, itu tidak sekali. Mereka cuma hendak menunjuk dan hendak menasihatkan yang amalan-amalan yang setakat ini yang dibuat, yang telah dilakukan dalam mahkamah kita, cara-cara kita memprektikkan undang-undang kita adalah amalan-amalan yang telah ditimbang beberapa ratus tahun, yang menjadi satu cara hidup kita. Jadi, bila Kerajaan memindanya dengan satu sebab-sebab yang lain, dan bila Majlis Peguam menentangnya, jadi nampak seolah-olah Majlis Peguam membuatnya dengan sengaja sahaja. Saya rasa itu bukan maksudnya. Maksudnya ialah untuk menerangkan dengan sebenarnya apakah pengamalan yang boleh diterima, kerana mereka ini telah mengamalkan undang-undang dan tahu ataupun dianggap tahu praktik-praktik yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 42 (1) berkenaan dengan tujuan-tujuan Bar Malaysia ini patutlah mendapat pengertian umum. Janganlah banyak orang ramai menyalahkan Majlis Peguam mengatakan mereka tidak tahu kedudukan sebenarnya, tidak mengira dari pandangan Kerajaan; perkara seumpama itu tidak dimaksudkan. Tujuannya ialah untuk memperbaiki lagi kedudukan atau pengamalan undang-undang, bukannya sahaja dari segi amalan, tetapi juga dari segi pentadbiran. Dan jikalau ada undang-undang yang dianggap bertentangan terpaksa di kemukakan untuk bukan sahaja pengetahuan Kerajaan tetapi juga untuk pengetahuan umum.

Saya hendak menyentuh satu sahaja lagi perkara semasa perbahasan terhadap dasar ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan peruntukan Fasal 84, sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang tadi adalah satu peruntukan baharu yang mana katanya, "jika seseorang peguam itu menjadi peguam kepada mereka yang memajukan perumahan, maka peguam itu juga tidak boleh menjadi peguam kepada pembelinya." Ini mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang tadi ialah untuk menjaga kepentingan pembeli. Sungguhpun tujuannya baik tetapi saya rasa maksudnya tidak akan tercapai. Kenapa saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, ialah orang yang hendak menjual rumah tadi iaitu pengusaha-pengusaha perumahan (housing developer) ini sudah tentu mengatakan kepada si pembeli, "kalau awak tidak mahu menerima syarat yang saya kenakan di sini, tidak usah beli rumah saya." Walau pun pembeli itu mempunyai seorang peguam bebas untuk menasihatinya kalau si penjual tadi tidak mahu menjual kerana pembeli tadi tidak mahu mengikut syarat-syaratnya, maka orang itu tidak boleh membeli rumah itu. Jadi, saya rasa dengan mengadakan seorang peguam lain untuk menasihat si pembeli itu tidak akan menyelesaikan masalah ini. Masalah ini hanya boleh diselesaikan jika Kerajaan sendiri menentukan peruntukan-peruntukan yang adil yang tidak berat sebelah yang patut dikenakan kepada pemaju perumahan tadi. Kalau Kerajaan tidak berbuat demikian, saya rasa tujuan kita hendak menolong si pembeli tadi tidak akan tercapai. Biarlah Kerajaan sendiri menetapkan ini dia syarat-syarat yang boleh dimasukkan di dalam perjanjian yang agaknya adil kepada dua belah pihak. Jikalau ada peruntukan begitu saya rasa bolehlah kita melindungi si pembeli tadi. Kalau dengan memberikan kuasa dia mengadakan lawyernya sendiri, saya rasa kita tidak mencapai kehendak itu.

Saya tidak lagi mahu berbahas panjang dalam perkara ini, kerana sebagaimana saya katakan pada awal tadi, ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh di dalam peringkat Jawatankuasa dan pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik kedatangan Rang Undang-undang ini yang mana saya percaya selepas ini taraf peguam di mata ramai atau dikhalayak ramai adalah tinggi. Taraf seorang

professional tetap boleh kita harapkan. Setakat ini peguam yang digelar satu noble profession ataupun learned ataupun arif terus menjadi harapan orang ramai, dan saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.00 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya bercakap di dalam Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini, kita merasa anih sedikit kerana kita sedang membicarakan satu undang-undang yang digubal oleh Ahli-ahli Undang-undang untuk Ahli-ahli Undang-undang sendiri. Walau bagaimanapun saya rasa berterima kasih kepada pihak Peguam Negara yang telah menyempurnakan peraturan-peraturan ini yang telah memakan masa selama 7 tahun.

Terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa saya bercakap di dalam Dewan ini bukanlah sekali-kali sebagai seorang yang mengetahui dari hal undang-undang tetapi apa yang saya ingin membawa kepengetahuan Majlis ini ialah mengikut pengalaman-pengalaman atas perkara-perkara yang telah berlaku sepanjang yang saya berhubung dengan ahli-ahli professional atau pegawai-pegawai undang-undang yang banyak di antara mereka menjadi sahabat karib dan kenalan saya dan ada di antaranya yang telah menjadi Hakim-hakim Besar di negara ini.

Di dalam Fasal 79 Rang Undang-undang ini telah menentukan supaya laporan akaun hendaklah diserahkan kepada Majlis Peguam di dalam masa 12 bulan. Saya sungguh merasa puas hati di atas peraturan ini dan saya harap tidak akan berlaku pula satu kekurangan di dalam professional yang lain iaitu Juru Odit yang menjalankan audit-odit ini. Kerana sepertimana kita semua maklum bahawa pengambilan Juru Odit ini adalah terletak kepada peguam itu sendiri. Bukanlah lantikan daripada client ataupun bukanlah client yang berhak melantik mana-mana Juru Odit untuk mengodit kira-kira peguam itu sendiri.

Lagi satu perkara yang saya ingin menarik perhatian ialah Bahagian VII, Fasal 96 di dalam peraturan ini iaitu manakala terdapat satu-satu pengaduan. Saya telah sebutkan tadi bahawa saya bercakap di sini ialah sebagai pendapat daripada umum dan boleh dikatakan pendapat seorang yang tidak tahu-menahu berkenaan dengan construction atau rencana undang-undang ini. Yang menyebutkan di antara lain kuasa State Bar Council ialah mempunyai budi-bicara mutlak atau di dalam bahasa Inggerisnya disebutkan "absolute discretion". Hal ini adalah mem-bimbangkan sedikit samada pengadu-pengadu atau mereka yang mendatangkan aduan itu boleh mengetahui sebab-sebab kenapa rayuannya itu tidak diterima.

Di dalam Fasal 99, Jawatankuasa Tata-tertib. Jawatankuasa Tatatertib ini dilantik oleh Hakim Besar yang semestinya terdiri daripada peguam-peguam yang telah mengamal selama 7 tahun. Jadi untuk menjalankan ketertipan kepada peguam-peguam itu sendiri, kita telah menentukan iaitu hanya peguam sahajalah yang dapat menentukan disiplin atau tatatertib peguam itu sendiri. Tetapi jika kita berkehendakkan satu keadilan kepada orang ramai atau kepada umum, biasanya kita melantik satu atau dua atau di dalam hal juri misalnya, kita lantik lebih banyak lagi orang awam untuk mendengar dari segi pandangan umum. Manakala hakim-hakim dapatlah menunjuk kepada juri-juri tadi apakah yang patut diputuskan. Sehingga di dalam Mahkamah Kanak-kanak sekalipun kita ada penasihat kepada hakim-hakim. Apa yang saya ingin sebutkan di sini kalau sekiranya kesalahan yang dilakukan oleh Peguam-peguam itu hanya mengenai masalah domestic ataupun masalah di antara persatuannya sahaja, maka itu saya tidak meminta diadakan satu atau dua orang awam duduk di dalam Jawatankuasa Tatatertib ini. Tetapi jika sekiranya berlaku satu aduan yang datang daripada orang ramai atau datang daripada clientnya sendiri, maka patutlah ditimbang-kan samada mustahak dilantik seorang daripada orang ramai ataupun diberi peluang kepada pengadu itu sendiri mendengar apa-akah aduannya itu telah ditimbang dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah dapat mendengar sedikit apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat dan learned

Senator Kamarul Ariffin tentang exclusive right kepada peguam-peguam. Saya sebagai seorang yang duduk di sebuah Majlis untuk memilih petition writer, saya rasa petition writer ini ada peranannya yang dapat menolong orang ramai dan ada di antara mereka ini yang telah pencen, berumur lebih dan pergi belajar di undang-undang di United Kingdom dan malangnya dia tidak lulus pada tahun yang akhir. Jadi orang-orang yang semacam ini patutlah kita timbangkan untuk dia menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan undang-undang kerana di dalam professional-professional yang lain, misalnya dalam lapangan architect, kita ada letakkan Architect Part I, Architect Part II. Jadi di dalam jurusan ini pun patutlah kita adakan perkhidmatan yang serupa ini supaya orang ramai tidak susah untuk membayar bill yang lebih mahal kerana overhead expenditure peguam-peguam itu adalah tinggi dan terpaksa meletakkan satu harga yang lebih mahal. Kalau dia gunakan typewriternya duduk di kaki lima, barangkali perbelanjaan overheadnya kurang, maka bolehlah dia charge kurang sedikit.

Inilah yang dapat saya sebutkan di dalam Majlis yang mulia ini dan pada mulanya tadi saya telah sebutkan bahawa saya tidaklah sekali-kali bercakap sebagai seorang yang mengetahui undang-undang, dan saya harap pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya orang yang ahli dalam hal undang-undang, jika sekiranya tersentuh professional ataupun jawatan-jawatan mereka itu harap dimaafkan.

6.11 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak bercakap dengan seberapa ringkas yang boleh. Saya tidak bermaksud hendak berbahas panjang dalam masalah ini, sebab saya bukan ahlinya, cuma saya hendak berkata dalam masalah hak yang diberikan kepada peguam kita telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin iaitu satu perkara yang saya kesal dan negara kesalkan pada masa sekarang iaitu sikap yang dibuat oleh Majlis Peguam Negara Malaysia merayu kepada Kerajaan supaya menghapuskan Akta Senjatapi iaitu hukuman berat yang boleh dihukum mati. Saya tidak hendak mengganggu haknya, Majlis ini boleh menegur, tetapi pada Akta ini dan Akta Dadah Berbahaya, saya harap Majlis

Peguam tidak usahlah nasihatkan Kerajaan, biar Kerajaan jalan terus, dan saya hendak tanya kepada Majlis Peguam berkenaan sikapnya terhadap negara kita sekarang sedang mengalami bermacam-macam ancaman, rompak dan dadah yang hampir separuh belia-belia kita sudah menghisap dadah, tiba-tiba Rang Undang-undang ini Majlis Peguam suruh tarik balik dan suruh Kerajaan kaji balik. Dalam masalah ini saya sebagai rakyat dalam negara ini berasa dukacita atas sikap ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kita yang bijak ini tolong nasihatkan Majlis Peguam supaya mereka tidak mengambil kes-kes yang ada kaitan dengan dadah dan yang ada kaitan dengan senjata. Dengan keadaan ini biarlah rakyat yang membuat kesalahan dalam negara ini menghadap pengadilan dan minta pengadilan untuk menentukan. Kita ada Pendakwa Raya, peguam tidak usah campur tangan. Dengan keadaan itu mereka akan serek dan ada setengah-setengah negeri pula tidak membenarkan peguam-peguam itu mengambil pembelaan dalam kes-kes yang seumpama itu. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap dua perkara, saya hendak bercakap lima perkara sahaja, tetapi pendek-pendek inipun belum sampai lima minit.

Yang ketiga, dalam masaalah kaedah pembayaran. Sekarang rakyat jelata kita pandai, Tuan Yang di-Pertua, hendak minta pembelaan, mengambil Peguambela atau Peguamcara tetapi ada kalanya Peguam-peguam kita ini mengenakan bayaran yang lebih tinggi dan ada kalanya pula mengenakan bayaran yang paling rendah. Jadi, saya minta satu kaedah yang tertentu dari segi pembayaran iaitu bila peguam kita hendak membela rakyat dalam negeri ini, sebab kalau diambil dengan bayaran yang begitu rendah, mutu peguam-peguam kita itu rendah, peguam itu murah \$50 sahaja boleh dapat. Ada setengah-setengah peguam pula tabiatnya bila hendak berunding sahaja mengenakan bayaran \$50 kalau tidak kita tidak boleh bercakap dengan lawyer. Jadi keadaan yang semacam ini lawyer ini lebih daripada doktor, patutlah ada peguam-peguam kita yang hidup lumayan, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Satu perkara lagi saya minta kalau boleh peguam-peguam daripada negara ASEAN itu boleh menjadi ahli Majlis Peguam dan bukan sahaja mereka boleh menjadi peguam di negara kita ini, tetapi kita harap peguam-peguam di negara kita ini juga boleh membela dalam negeri yang tersebut, sebab pada masa dahulu di Singapura peguam yang termasyhur ialah David Marshall. Kita boleh gunakan dia dan rakyat Malaysia boleh gunakan dia, dan apabila kita menggunakan dia, kes itu boleh ribut. Jadi keadaan ini kalau kita duduk dalam ASEAN apa salahnya kita gunakan, kita hendak gunakan lawyer negara Commonwealth, tetapi Singapura ini negara ASEAN. Jadi pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh dilonggarkan sedikit, jangan ketat-ketat sangat.

Akhirnya, dalam masaalah pakaian peguam dan hakim besar saya lihat memakai wig ataupun kopiah dan kopiah yang ada itu berbentuk penjajah. Menurut kita setengah orang wig itu dibuat daripada bulu kulit babi, ini menurut keterangan yang saya diberitahu. Jadi, saya minta kalau boleh di masa akan datang peguam-peguam kita itu kena pakai pakaian jubah, itu saya setuju, kerana pakaian jubah itu pakaian tradisional yang dipakai semua sekali oleh orang-orang professional, seumpama hakim dan peguam, kadi boleh pakai jubah, tetapi yang saya tidak setuju ialah tentang wignya, itu sahaja kalau boleh diubah.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh berkata sedikit berkenaan perkara wig ini, kerana kalau dianggapkan wig ini dibuat daripada kulit babi, rasa saya itu tidak betul. Tetapi mujurlah saya sebagai peguam saya tidak perlu memakai wig, yang perlu, nampaknya ialah pihak Kerajaan—D.P.P.—nya dan Peguam Negaranya terpaksa memakai wig. Setahu saya wig itu dibuat daripada bulu kuda—itu pada masa dahulu—tetapi pada masa sekarang ini dibuat daripada plastik. (*Ketawa*)

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dewan ini berterima kasih kepada peguam kita yang duduk di sini memberi satu penjelasan di atas apa yang saya sebutkan, tetapi saya bercakap tadi adalah menurut khabar yang saya diberitahu (*Ketawa*). Walaupun dibuat daripada plastik saya fikir tidak sesuai

untuk negara kita. Saya minta peguam-peguam kita atau hakim-hakim kita ubah suatu songkok yang sesuai, atau tidak usah pakai songkok seperti Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, beliau pakai jubah sahaja.

6.17 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang ini akan dapat menjaga kepentingan orang ramai iaitu rakyat jelata yang tidak mempunyai pengetahuan dalam undang-undang. Rang Undang-undang ini juga boleh mengadakan sebuah badan ahli undang-undang yang kemas, mempunyai tata tertib yang dapat meninggikan mutu ahli-ahli profesional dalam golongan undang-undang kita.

Saya percaya bukan sahaja ahli undang-undang itu bersetuju dengan undang-undang ini yang mereka telah aturkan, tetapi juga orang ramai bersetuju supaya diadakan undang-undang yang seumpama ini yang lebih kemas dan lebih teratur supaya dapat mentadbirkan cara perjalanan, serba-serbi mengenai ahli-ahli ikhtisas dalam golongan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberikan pandangan saya sedikit tentang Rang Undang-undang ini. Di dalam negara kita ini kita adalah mempunyai kedudukan yang berlainan daripada negara-negara lain, berlainan daripada negeri-negeri England, Amerika dan lain-lain. Kita mempunyai satu negara yang unique dan mempunyai keadaan keperibadiannya sendiri, mempunyai rakyat ramai yang terdiri daripada dua golongan yang besar, iaitu golongan orang-orang yang beragama Islam dan orang-orang yang bukan beragama Islam. Dan dengan kerana inilah kita mempunyai satu Perlembagaan yang coraknya berlainan daripada Perlembagaan negeri-negeri lain, kerana satu-satu Perlembagaan dan satu-satu Undang-undang itu yang kita hendak lakukan atau kita hendak jalankan di dalam negara kita ataupun di mana-mana negeri sekalipun hendaklah sesuai dengan kedudukan negara itu, sesuai dengan iklim negeri itu. Jadi apabila kita mengaturkan sesuatu undang-undang maka patutlah ahli-ahlinya mengaturkan undang-undang itu mengambil perhatian kepada perlembagaan kita, mengambil perhatian kepada

rakyat ramai yang hidup di dalam negara kita ini yang bercorak sebagaimana yang kita ada sekarang. Daripada pengertian saya di dalam Perlembagaan, kita mempunyai dua Mahkamah dan dua cara pemerintahan undang-undang. Kita mempunyai Mahkamah Keadilan yang pada orang-orang Islam kata Mahkamah Adat iaitu Mahkamah yang mempunyai Hakim-hakim, peguam-peguam, peraturan-peraturan Mahkamah biasa dan kita mempunyai undang-undang hari ini iaitu undang-undang untuk mentadbirkan peguam-peguam yang akan membicarakan undang-undang di Mahkamah-mahkamah yang dikatakan Mahkamah Adat. Tetapi orang yang mengaturkan undang-undang ini, ataupun Timbalan Menteri Undang-undang kita jangan lupa bahawa dalam Perlembagaan kita ada satu fasal di mana ada tersebut di dalam Perlembagaan, iaitu bagi tiap-tiap Negeri ada Mahkamah Syariah dan digelar undang-undang itu Undang-undang bagi Mentadbirkan Hal Ehwal Ugama Islam dan Mahkamah Syariah, dan Mahkamah Syariah ini dengan Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam, kalau di Kelantan mempunyai peraturan-peraturan yang hampir sama dengan mahkamah-mahkamah yang ada sekarang. Undang-undang inipun mempunyai Kadi-kadi yang kita katakan hakim, peguam-peguam yang boleh mengemukakan kepada mahkamah itu dalam kes-kes yang mengenai Hal Ehwal Orang-orang Islam di Mahkamah Syariah dan kita mempunyai peraturan-peraturan, cara-cara mahkamah itu sendiri.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan bahawa pada hari ini dalam meneliti hal undang-undang dan susunan mahkamah biasa, saya mintalah supaya Kerajaan kita mengalihkan pandangannya kepada sebahagian dari Perlembagaan yang mengenai mahkamah Syariah yang mengenai kuasa pentadbiran dari segi Mahkamah dan Undang-undang Islam yang ada dalam negara kita ini. Kalau boleh, saya minta pada Kerajaan supaya berunding dengan Raja-raja Melayu (Majlis Raja-raja) supaya dapat Kerajaan kita mengadakan satu sahaja Undang-undang bagi Hal Ehwal Ugama Islam dan Mahkamah Syariah bagi seluruh Malaysia. Ini adalah satu pindaan yang sangat penting dan mustahak bagi 5 juta umat Islam yang menjadi tulang belakang kepada negara kita ini.

Dalam negara kita ini, mempunyai 5 juta orang Melayu yang beragama Islam dan mereka ini berkehendakkan kepada satu penyusunan yang kemas di dalam pentadbiran undang-undang. Kalau sekiranya kita ada Bar Council bagi pihak Mahkamah biasa dan peguam-peguam biasa, maka kita mahu juga satu Bar atau Council yang tidak dipanggilkan Bar, umpamanya bagi peguam-peguam yang akan mengemukakan perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Syariah. Ini perlu dibuat. Kerana di dalam peraturan dan susunan undang-undang peguam ini ada menyebutkan iaitu peguam-peguam dalam Bar Council ini berhak menasihatkan kepada Kerajaan dalam satu-satu perkara yang berkaitan dengan undang-undang negara, satu perkara yang hendak dibuat oleh Jabatan Undang-undang kita, maka kalau sekiranya kita ada satu Bar Council yang sama bagi peguam-peguam yang mengemukakan perkara-perkara ke Mahkamah Syariah, maka undang-undang yang sama akan memberi peluang kepada Peguam-peguam Islam ini untuk menasihatkan kepada Mahkamah Syariah dan Kerajaan supaya Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam itu lebih teratur dan lebih baik daripada apa yang berlaku dalam negara kita pada hari ini.

Saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kepada satu perkara yang telah berlaku di dalam negara kita ini, perselisihan timbul di antara Peguam Negara kita dengan salah sebuah Negeri yang timbul kerana perselisihan tentang undang-undang Pentadbiran Islam yang mana Peguam Negara berkata bahawa undang-undang ini patut dipinda, tetapi bagi pihak Negeri yang berkenaan berkata: Oh! ia tidak bertanggungjawab. Yang bertanggungjawab ialah Peguam Negara. Undang-undang ini kalau tidak betul pun Peguam Negara yang salah. Peguam Negara kata dia tidak salah, dia cuma memberi fikiran sahaja, patut diperbetulkan. Jadi timbul satu perselisihan di antara Peguam Negara dengan satu golongan pentadbiran Islam di dalam negara kita ini. Ini menunjukkan kelonggaran dari segi susunan, penyatuan pentadbiran Hal Ehwal

Ugama Islam dan ini perlu mendapat perhatian besar yang mustahak daripada Kerajaan Malaysia kita.

Kita perlu kepada satu undang-undang mentadbirkan Hal Ehwal Ugama Islam, mentadbirkan Mahkamah Syariah dengan mempunyai peraturan-peraturan yang lebih kemas supaya mutu Mahkamah Syariah dan hakim-hakim yang ada yang menjalankan pentadbiran di Mahkamah Syariah itu mendapat sanjungan daripada rakyat dengan keadaan yang lebih sempurna.

Kalau kita pandang pada hari ini selepas kita merdeka, Kerajaan kita cuma berjalan di atas asas dan landasan apa yang ditinggalkan oleh penjajah Inggeris. Kalau tidak kemas, kita perkemaskan; kalau ada kekurangan kita tambah, tetapi landasan (rail) adalah yang lama juga. Kalau landasan yang lama, kalau keretapi itu yang baru, maka itulah sebabnya gerabak-gerabak selalu tergelincir di jalan dan banyak menimbulkan masalah-masalah yang rumit di tengah jalan. Ini kerana kita menggunakan landasan yang lama, kita gunakan landasan yang tidak sesuai lagi dengan zaman teknologi hari ini. Itulah yang saya katakan kita perlu mengkaji dari segi undang-undangnya, dari segi dasar dan dari segi pandangan, kita kena ubah. Pada masa ini kita tidak ubah. Kita ambil apa yang ada pada Inggeris itu dan kita jalankan kerana sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi barangkali Jabatan Undang-undang itu tidak mempunyai orang-orang yang cukup yang boleh mengaturkan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, masa sudah cukup. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak menyambung ucapannya, bolehlah disambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb Januari, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.